

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2022

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (JOHOR)

JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN

KETUA PTJ :

AKMAL AINI BINTI OTHMAN

KETUA UNIT KUALITI :

SITI RAHAYU BINTI SARMAN

PENYELARAS :

SYED KHUSAIRI BIN TUAN AZAM

PENULIS :

1. SITI RAHAYU BINTI SARMAN
2. SYED KHUSAIRI BIN TUAN AZAM
3. ZARINA BINTI ABU BAKAR

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCJ diterajui oleh Prof. Dr. Hj. Ismail bin Ahmad selaku Rektor UiTMCJ dibantu oleh Penolong Rektor yang menerajui kampus Pasir Gudang serta Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) yang sentiasa bersedia untuk menjadikan UiTMCJ sebuah universiti tempatan yang tersohor dalam bidang pengurusan dan teknologi berteraskan Jaringan Industri dan Keusahawanan. UiTMCJ mengamalkan sistem pengurusan yang sistematik, dinamik dan efisien bagi mencapai objektif universiti dan perancangan berkaitan pengurusan kampus. Bagi pelaporan Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2022, bidang tumpuan yang telah dipilih oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ adalah bidang **Jaringan Industri dan Keusahawanan**. Perkara ini telah dipersetujui oleh kesemua ahli JKEN pada mesyuarat JKEN bertarikh 10 April 2022.

Perancangan (*Plan*) yang sistematik diatur dengan baik oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ dalam memastikan objektif dan inisiatif yang dirancang dalam bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan dapat dijalankan dengan lancar. Oleh yang demikian, keterlibatan Pengurusan Kanan UiTMCJ bermula daripada penetapan petunjuk prestasi Pelan Strategik UiTMCJ bagi setiap bahagian, unit dan juga fakulti. Bagi bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan, Pengurusan Kanan UiTMCJ menetapkan objektif strategik adalah Pemerkasaan Jaringan Industri dan Keusahawanan Melalui Pemindahan Ilmu Dengan Kerjasama Akademia, Industri dan Komuniti. Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni (BPJIA) UiTMCJ menjadi tonggak utama dalam memastikan petunjuk prestasi bagi bidang tumpuan ini dapat dicapai dengan jayanya. Walaubagaimanapun, Pengurusan Kanan UiTMCJ sentiasa mengambil pendekatan yang holistik dengan melibatkan pelbagai bahagian, unit dan fakulti bagi membantu BPJIA UiTMCJ dalam mencapai petunjuk prestasi yang ditetapkan. Bagi memastikan pencapaian secara menyeluruh dalam bidang ini, Pengurusan Kanan UiTMCJ telah menetapkan tiga (3) inisiatif utama iaitu **1) Industry Agropreneur, 2) Entrepreneurial Hub dan 3) Smart Industry Engagement**.

Dari segi pelaksanaan (*Do*), Pengurusan Kanan UiTMCJ sentiasa menyokong, mendorong dan menyediakan kemudahan dalam pelbagai bentuk sama ada kemudahan infrastruktur, sokongan kewangan dan juga moral bagi memastikan aktiviti Jaringan Industri dan Keusahawanan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Pengurusan Kanan UiTMCJ juga sentiasa membuka ruang dan peluang untuk merencana halatuju jaringan komuniti, menyokong aktiviti masyarakat setempat demi mencapai visi dan misi UiTMCJ berlandaskan nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan. Sejalan dengan tema kampus: Simfoni Alam, Digital dan Bestari, UiTMCJ sentiasa bergerak maju dalam memastikan inisiatif yang telah dirancang terlaksana dengan jayanya. Pada tahun 2021, UiTMCJ telah merancang projek-projek kolaborasi bersama industri dan komuniti setempat yang diterajui oleh BPJIA dan MASMED UiTMCJ .

Dari segi pemantauan (*Check*) pula, setiap projek di bawah inisiatif yang dirancang, diketuai oleh Ketua Projek yang dilantik untuk memastikan projek yang dirancang dapat berjalan dengan lancar. Selain itu juga, laporan kemajuan bagi setiap projek di bawah petunjuk prestasi UiTMCJ juga dibentangkan pada setiap Mesyuarat Ketua Bahagian (MKB) bagi memastikan program yang dirancang mencapai petunjuk prestasi yang telah ditetapkan.

Bagi penambahbaikan (*Act*), setiap isu dan permasalahan yang timbul sepanjang projek dijalankan akan dibincangkan di dalam mesyuarat yang melibatkan Pengurusan Kanan

U11 M03. Hasil daripada mesyuarat yang dijalankan, tindakan penambahbaikan dilakukan dengan melibatkan semua pihak yang terlibat.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan Kanan UiTMCJ telah menyediakan perancangan teliti yang disusun atur dengan efisien bagi mencapai objektif strategik dan tiga inisiatif utama yang telah dirancang di bawah Jaringan Industri dan Keusahawanan. Pengurusan Kanan UiTMCJ telah memurnikan dokumen Perancangan Strategik UiTM 2025 sebagai model hala tuju strategik dalam penetapan KPI (*Key Performance Indicators*) sejajar dengan matlamat UiTM secara keseluruhan. Bagi memperkasakan Jaringan Industri dan keusahawanan, Pengurusan Kanan UiTMCJ telah merangka KPI bagi UiTMCJ dalam bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan untuk menjamin keberhasilan objektif strategik KPI yang telah dirangka berdasarkan pematuhan kepada visi dan misi universiti. Dalam menetapkan KPI bidang tumpuan yang dipilih, Pengurusan Kanan UiTMCJ telah melantik BPJIA sebagai tonggak utama dalam menggerakkan UiTMCJ mencapai petunjuk prestasi yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, petunjuk prestasi yang ditetapkan dalam bidang tumpuan ini tidak hanya memfokuskan kepada BPJIA sahaja, malah juga melibatkan bahagian, unit dan juga fakulti. Hal ini dapat dilihat melalui beberapa petunjuk prestasi di bawah bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan yang melibatkan pelbagai bahagian, unit dan juga fakulti di UiTMCJ (**Lampiran 1.2.1**).

Bagi memastikan petunjuk prestasi difahami oleh setiap bahagian, unit dan fakulti, satu bengkel pengurusan strategik telah diadakan pada 30 September 2020 bagi membincangkan dan mengenalpasti petunjuk prestasi yang dirancang. Bengkel yang dihadiri oleh seluruh ketua bahagian, unit dan fakulti ini telah berjalan dengan lancar dan penetapan petunjuk prestasi ini ditetapkan mengikut kemampuan dan kapasiti sumber UiTMCJ (**Lampiran 1.2.2**). Hasilnya, Pengurusan Kanan UiTMCJ telah menetapkan petunjuk prestasi yang dirangka bagi memastikan ianya mampu mencapai objektif bidang tumpuan (**Lampiran 1.2.3**). Tambahan pula, setiap petunjuk prestasi yang ditetapkan pada tahun 2021 mengambil kira penambahbaikan dan inovasi yang telah tercapai pada tahun 2020. Seterusnya, petunjuk prestasi yang telah ditetapkan ini telah disebarluaskan kepada semua warga melalui mesyuarat-mesyuarat dan amanat tahun baru daripada Rektor UiTMCJ (**Lampiran 1.2.4**). Setelah disebarluaskan kepada warga UiTMCJ, program-program telah dirancang bagi memenuhi petunjuk prestasi yang ditetapkan. Melalui perancangan strategik, Pengurusan Kanan UiTMCJ dapat menilai serta memantau pergerakan setiap projek di bawah Jaringan Industri dan Keusahawanan.

Bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan bagi objektif strategik dan inisiatif utama yang telah dirancang, Pengurusan Kanan UiTMCJ sentiasa memastikan setiap ketua projek memberi pelaporan pencapaian secara berkala pada setiap akhir bulan. Seterusnya, Penyelaras Unit Strategik dan Transformasi Universiti (USTU) akan membentangkan pencapaian sebenar kepada Pengurusan Kanan UiTMCJ di dalam Mesyuarat Ketua Bahagian (MKB) yang diadakan empat (4) kali setahun. Pengurusan Kanan UiTMCJ akan membuat penilaian bagi setiap perincian pelaporan untuk memastikan program yang dianjurkan mampu mencapai objektif yang telah dirancang (**Lampiran 1.2.5**)

SENARAI BUKTI:

1. [K0059_K01_KB02_20221_UiTMCJ_LampiranKepimpinan1.2.1.pdf](#)
2. [K0059_K01_KB02_20222_UiTMCJ_LampiranKepimpinan1.2.2.pdf](#)
3. [K0059_K01_KB02_20223_UiTMCJ_LampiranKepimpinan1.2.3.pdf](#)
4. [K0059_K01_KB02_20224_UiTMCJ_LampiranKepimpinan1.2.4.pdf](#)
5. [K0059_K01_KB02_20225_UiTMCJ_LampiranKepimpinan1.2.5.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelbagai pendekatan yang sistematik telah digunakan bagi memastikan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan dilaksanakan dengan jayanya. Antaranya dengan memperkasakan struktur organisasi BPJIA UiTMCJ. Bagi melancarkan proses pengurusan, pengendalian dan pementapan Jaringan Industri dan Keusahawanan, Timbalan Rektor BPJIA UiTMCJ telah melantik staf untuk memegang jawatan koordinator di kampus Segamat dan kampus Pasir Gudang. Koordinator yang terlibat secara langsung dengan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan adalah 1. Koordinator Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni; 2. Koordinator Keusahawanan manakala dua penyelaras di kampus Pasir Gudang 1. Penyelaras Jaringan Industri dan Masyarakat; 2. Penyelaras Keusahawanan (**Lampiran 1.3.1**). Melalui tiga inisiatif di bawah bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan, Pengurusan Kanan UiTMCJ telah mengenalpasti petunjuk prestasi yang bersesuaian dan mengagihkan kepada setiap unit, bahagian dan fakulti yang terlibat. Melalui petunjuk prestasi yang ditetapkan, koordinator serta penyelaras bertindak sebagai ketua dalam mengenalpasti projek-projek yang mencapai petunjuk prestasi yang ditetapkan. Hasilnya, beberapa projek telah dikenalpasti bagi melaksanakan tiga inisiatif utama yang telah dirancang. Contohnya, inisiatif "Industry Agropreneur" melibatkan Projek Fertigasi Cili serta Projek Penanaman Nanas MD2, manakala Entrepreneurial Hub melibatkan projek seperti aktiviti pembangunan seperti latihan dan kursus serta program pertandingan dalam kalangan staf dan pelajar manakala inisiatif Smart Industry Engagement pula melibatkan Digital International Invention, Innovation, and Design (DIID) Johor, Modul ACE, Teaching On The Go (TOTG) dan Usahaniti (**Lampiran 1.3.2**).

Bagi memastikan setiap inisiatif dapat dilaksanakan dengan jayanya, dan penyebaran maklumat yang efektif dan berkesan kepada pihak-pihak berkepentingan, pelbagai medium komunikasi telah digunakan oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ. Antara kaedah komunikasi dua hala dan terbuka yang diamalkan adalah sesi Amanat Bulanan Rektor, taklimat timbalan-timbalan Rektor, perjumpaan, dan mesyuarat bersama warga UiTMCJ. Sebagai contoh, pada Amanat Tahun Baharu, Rektor UiTMCJ telah menyenaraikan kesemua petunjuk prestasi UiTMCJ kepada seluruh warga UiTMCJ. Di samping itu juga, Timbalan Rektor BPJIA juga membentangkan petunjuk prestasi bagi bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan di dalam Mesyuarat Ketua Bahagian yang dihadiri oleh semua ketua bahagian, ketua unit dan ketua pusat pengajian (**Lampiran 1.3.3**). Seiring dengan perkembangan teknologi terkini, kesemua petunjuk prestasi ini juga disebarluaskan kepada seluruh warga UiTMCJ dan dapat dicapai melalui emel, laman sesawang dan aplikasi media sosial seperti Instagram, Facebook rasmi UiTMCJ, youtube rasmi UiTMCJ, telegram dan WhatsApp (**Lampiran 1.3.4**). Ini sejajar dengan prinsip Pengurusan Kanan UiTMCJ yang sentiasa menggalakkan cetusan idea baru untuk tujuan penambahbaikan ke atas sistem pengurusan UiTMCJ.

Selain itu, pendekatan kolaborasi bersama pihak dalam dan luar universiti juga menjadi keutamaan barisan Pengurusan Kanan UiTMCJ dalam Jaringan Industri dan Keusahawanan. Sebagai contoh, perbincangan bersama Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Negeri Johor telah berlangsung pada 24 Mac 2021 bagi meninjau dan merasmikan tapak projek nanas UiTMCJ (**Lampiran 1.3.5**). Untuk itu, pelaksanaan aktiviti yang dirancang oleh setiap unit telah mendapat bantuan dan sokongan terus dari unit, bahagian dan fakulti di UiTMCJ. Organisasi luar juga dilibatkan secara langsung bagi memastikan UiTMCJ sentiasa relevan dengan kehendak industri.

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_K01_KB03_20221_UiTMCJ_LampiranKepimpinan1.3.1.pdf](#)
2. [K0059_K01_KB03_20222_UiTMCJ_LampiranKepimpinan1.3.2.pdf](#)
3. [K0059_K01_KB03_20223_UiTMCJ_LampiranKepimpinan1.3.3.pdf](#)

4. [K0059_K01_KB03_20225_UiTMCS_Lampiran Kepimpinan 1.3.4.pdf](#)
5. [K0059_K01_KB03_20225_UiTMCS_Lampiran Kepimpinan 1.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Dalam memastikan tiga inisiatif utama yang dirancang mencapai objektif yang ditetapkan, Pengurusan Kanan UiTMCJ telah membentuk pelbagai pelan tindakan pemantauan secara terperinci (**Lampiran 1.4.1.1**). Sebagai contoh, program penanaman nanas di bawah inisiatif Industry Agropreneur, dipantau oleh jawatankuasa yang dilantik yang juga melibatkan usahasama pihak Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan pengusaha syarikat yang berkelayakan bagi menguruskan projek tanaman nanas. Disebabkan projek ini bernilai besar, perbincangan, bengkel dan pemantauan berkala sentiasa dijalankan bagi memenuhi pencapaian objektif oleh pihak-pihak berkepentingan. Program Agropreneur Upskilling di bawah inisiatif Entrepreneurial Hub pula dipantau melalui jawatankuasa pelaksana program manakala Social Entrepreneurship Social Innovation Trainer Certification dipantau oleh pihak Malaysian Global Innovation and Creativity Center (MAGIC) (**Lampiran 1.4.1.2**). Dalam inisiatif Smart Industry Engagement, Pembangunan Modul ACE telah melibatkan aktiviti pemantauan berkala di mana siri mesyuarat dan perbincangan atas talian telah dijalankan bagi memastikan pembangunan modul yang terkini dan bersesuaian dengan perubahan pembangunan teknologi semasa. Pengurusan Kanan UiTMCJ turut terlibat dalam memastikan pelaksanaan dan kelangsungan projek. Hasilnya, setiap petunjuk prestasi yang ditetapkan oleh UiTMCJ dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan tercapai dengan jayanya (**Lampiran 1.4.1.3**).

Impak dan keberkesanan setiap inisiatif yang dijalankan dapat dipantau oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ melalui pemantauan ini. Hasil dan analisa pemantauan yang dijalankan juga menjadi kayu ukur bagi memastikan keberhasilan projek lain yang dijalankan di UiTMCJ. Bagi inisiatif yang kurang mencapai petunjuk prestasi yang ditetapkan, Pengurusan Kanan UiTMCJ melalui Timbalan Rektor BPJIA turut membantu dalam mengenal pasti punca serta membantu dalam aspek mencari jalan penyelesaian melalui Mesyuarat Ketua Bahagian yang dilakukan sebanyak 4 kali setahun dengan mengenalpasti dan membentangkan peratus pencapaian petunjuk prestasi (**Lampiran 1.4.1.4**). Ketidakecapaian projek tidak diambil enteng oleh Pengurusan Kanan dan dikaji agar perkara yang sama tidak berulang kembali di masa hadapan. (**Lampiran 1.4.1.5**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0059_K01_KB04_KC01_20221_UiTMCJ_LampiranKepimpinan1.4.1.1.pdf](#)
2. [K0059_K01_KB04_KC01_20222_UiTMCJ_LampiranKepimpinan1.4.1.2.pdf](#)
3. [K0059_K01_KB04_KC01_20223_UiTMCJ_LampiranKepimpinan1.4.1.3.pdf](#)
4. [K0059_K01_KB04_KC01_20224_UiTMCJ_LampiranKepimpinan1.4.1.4.pdf](#)
5. [K0059_K01_KB04_KC01_20225_UiTMCJ_LampiranKepimpinan1.4.1.5.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pelaksanaan tiga inisiatif utama di UiTMCJ pastinya mempunyai pengaruh risiko yang tersendiri di mana setiap projek mempunyai cabaran yang berbeza. Pengurusan Kanan UiTMCJ telah terlibat menggerakkan jentera projek bagi menangani risiko yang dijangka dan mengambil inisiatif bagi mengekang ketidakcapaian objektif program di bawah bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan. Bagi inisiatif Industry Agropreneur dalam projek penanaman fertigasi cili, Pengurusan Kanan UiTMCJ menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi menggerakkan dan memantau projek ini. Jawatankuasa ini telah dibahagikan kepada beberapa aspek seperti perancangan, pengurusan kewangan, promosi, pemasaran, pengurusan di tapak projek dan penjualan. Gerak kerja dan mesyuarat berkala juga sentiasa dijalankan bagi memastikan kelancaran proses setiap aktiviti yang dirancang melibatkan projek ini (**Lampiran 1.4.2.1**). Bagi inisiatif Entrepreneurial Hub pula, program agropreneur upskilling yang melibatkan staf UiTMCJ diadakan bagi menambah pengetahuan dalam bidang keusahawanan, terutamanya dalam penanaman cili. Peserta diberikan latihan berbentuk teori dan praktikal terhadap penanaman dan pemasaran cili oleh penceramah terlatih daripada LPNM dan juga Jabatan Pertanian Negeri (**Lampiran 1.4.2.2**). Bagi memastikan inisiatif Smart Industry Engagement melalui DIID Johor berjalan dengan baik, Pengurusan Kanan UiTMCJ telah menubuhkan jawatankuasa yang terdiri dari Ahli Jawatankuasa yang berpengalaman dan baru ditubuhkan pada awal tahun sebelum pelaksanaan program. Keperluan penubuhan portfolio baru dalam jawatankuasa juga diambil kira untuk menambah baik program. Pengurusan Kanan UiTMCJ juga amat komited dalam memastikan kelancaran perjalanan projek. Projek pengantarabangsaan ini turut melibatkan Pengurusan Kanan UiTMCJ dalam mesyuarat berkala yang konsisten bagi mengetahui gerak kerja terkini setiap jawatankuasa terlibat (**Lampiran 1.4.2.3**). Setiap tindakan yang diambil terhadap risiko yang bakal atau sedang dihadapi adalah dijalankan dengan mengambil kira aspek keberkesanan dan kecekapan tindakan yang diambil agar tiada sebarang ketirisan sumber berlaku. Pada masa yang sama pencapaian objektif dapat dipastikan dan perjalanan serta penghasilan projek dapat dioptimumkan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_K01_KB04_KC02_20221_UiTMCJ_Lampiran Kepimpinan 1.4.2.1.pdf](#)
2. [K0059_K01_KB04_KC02_20222_UiTMCJ_Lampiran Kepimpinan 1.4.2.2.pdf](#)
3. [K0059_K01_KB04_KC02_20223_UiTMCJ_Lampiran Kepimpinan 1.4.2.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan UiTMCJ sentiasa peka terhadap isu yang dibangkitkan dalam menambahbaik prestasi sedia ada dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan. Bagi memastikan ketiga-tiga inisiatif strategik mencapai objektif dalam bidang tumpuan, Pengurusan Kanan UiTMCJ telah mengamanahkan Penyelaras Unit Strategik dan Transformasi Universiti (USTU) UiTMCJ untuk mengumpulkan segala maklumat berkaitan program dan projek yang telah dijalankan mengikut petunjuk prestasi yang telah ditetapkan. Peringatan penghantaran pelaporan diemalkan pada setiap bulan oleh Penyelaras USTU UiTMCJ kepada ketua-ketua projek mengikut petunjuk prestasi UiTMCJ (**Lampiran 1.4.3.1**). Melalui pelaporan yang telah dihantar, Penyelaras USTU UiTMCJ membentangkan peratus pencapaian petunjuk prestasi kepada seluruh ketua bahagian, ketua unit dan ketua pusat pengajian UiTMCJ. Setiap isu dikaji dengan teliti bagi memastikan ianya mampu ditambahbaik. Segala risiko yang dihadapi semasa pelaksanaan program sentiasa dipantau oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ bagi memastikan ianya sentiasa menepati perancangan yang telah diatur. Hasil tindakan penambahbaikan telah dikaji dengan teliti bersama-sama jawatankuasa yang telah dilantik bagi setiap projek agar ianya dapat dicapai dan dilaksanakan dengan baik. Penambahbaikan prestasi bagi projek-projek yang dipilih mampu untuk meningkatkan lagi prestasi UiTMCJ di masa hadapan. Tindakan hasil penganalisan dikongsi kepada seluruh warga UiTMCJ oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ melalui perbincangan di peringkat bahagian serta di dalam mesyuarat ketua bahagian bagi setiap petunjuk prestasi yang belum tercapai (**Lampiran 1.4.3.2**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_K01_KB04_KC03_20221_UiTMCJ_Lampiran Kepimpinan 1.4.3.1.pdf](#)
2. [K0059_K01_KB04_KC03_20222_UiTMCJ_Lampiran Kepimpinan 1.4.3.2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan Kanan UiTMCJ telah merangka tiga inisiatif utama dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan untuk mencapai objektif strategik yang ditetapkan. Ianya juga bertujuan untuk menggalakkan keterlibatan staf dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan. Setiap program di bawah inisiatif yang dirangka, diketuai oleh staf yang berpengetahuan dalam bidang berkenaan dan disokong oleh jawatankuasa pelaksana yang komited dan berdedikasi dalam menjalankan tugas dan amanah. Secara amnya, inisiatif, usaha dan sokongan yang diberikan oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ dibahagikan kepada tiga (3) aspek iaitu pembudayaan dan penggalakkan aktiviti Jaringan Industri dan Keusahawanan, sokongan kewangan serta pengiktirafan dan sanjungan. **Lampiran 1.5.1** menunjukkan rumusan inisiatif dalam mempergiatkan bidang tumpuan Jaringan Industri dan keusahawanan.

Aspek pertama iaitu pembudayaan dan penggalakan aktiviti jaringan industri dan keusahawanan menerusi sokongan infrastruktur. Pengurusan Kanan UiTMCJ sentiasa prihatin terhadap keperluan warga kampus dalam Jaringan Industri dan keusahawanan. Ini dapat dilihat melalui sokongan yang padu dan jitu dalam aspek penyediaan kemudahan untuk warga kampus meliputi pelbagai kemudahan infrastruktur seperti pengangkutan, penyediaan lokasi, perhubungan dan ruang. Infrastruktur ini memastikan interaksi Jaringan Industri dan Keusahawanan sentiasa terjalin antara UiTMCJ, masyarakat luar serta pihak industri dalam pelbagai bidang merangkumi keusahawanan, teknologi dan kepakaran sumber manusia. **Lampiran 1.5.2** menunjukkan beberapa bukti kemudahan infrastruktur oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ bagi menyokong aktiviti Jaringan Industri dan keusahawanan.

Seterusnya dalam aspek sokongan kewangan, Pengurusan Kanan UiTMCJ sentiasa memberikan sokongan dalam bentuk kewangan bagi menyokong aktiviti Jaringan Industri dan keusahawanan dalam kalangan warga kampus. Dengan sokongan kewangan ini, Pengurusan Kanan UiTMCJ mengharapkan agar warga kampus terus dapat menjalankan aktiviti Jaringan Industri dan Keusahawanan dengan lancar dan tersusun seperti yang dirancang bagi mencapai objektif universiti. Sokongan kewangan meliputi pembayaran yuran untuk menyertai pertandingan inovasi, pembentangan kertas kajian di konferensi dalam serta luar negara dan penyertaan bengkel yang berkaitan dengan Jaringan Industri dan Keusahawanan. Selain itu, Pengurusan Kanan UiTMCJ sentiasa menyokong permohonan pembiayaan dana daripada pihak luar bagi menjayakan lagi projek-projek yang dirancang. Tanda sokongan padu daripada Kepimpinan Kanan UiTMCJ dapat dilihat melalui jumlah kelulusan projek yang dipilih dibawah Jaringan Industri dan keusahawanan seperti di **Lampiran 1.5.3**.

Sebagai menghargai usaha dan iltizam serta komitmen yang padu diberikan oleh warga kampus sebagai pelaksana utama inisiatif, Pengurusan Kanan UiTMCJ sentiasa memberi pengiktirafan dan sanjungan terhadap komitmen warga kampus. Antara kaedah pengiktirafan dan sanjungan yang menjadi amalan Pengurusan Kanan UiTMCJ adalah dengan mengumumkan kejayaan melalui hebahan laman sesawang, emel dan *facebook*, memberikan sijil dan surat penghargaan serta meraikan kejayaan mereka dalam majlis penghargaan. Di samping itu juga, Pengurusan Kanan UiTMCJ juga telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni bagi menghargai jasa warga UiTMCJ dalam menyemarakkan penglibatan staf dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan (**Lampiran 1.5.4**). Inisiatif ini dilakukan oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ untuk memberikan motivasi dan galakan kepada warga kampus untuk terus melibatkan diri dalam bidang Jaringan Industri dan keusahawanan di masa hadapan.

... dan seragam, pengkualifan dan pengkualifan yang diberikan oleh pengurusan kanan UiTMCJ secara tidak langsung menyemarakkan lagi perkembangan Jaringan Industri dan keusahawanan dengan positif dan meluas dalam kalangan warga kampus.

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_K01_KB05_20221_UiTMCJ_Lampiran_Kepimpinan_1.5.1.pdf](#)
2. [K0059_K01_KB05_20222_UiTMCJ_Lampiran_Kepimpinan_1.5.2.pdf](#)
3. [K0059_K01_KB05_20223_UiTMCJ_Lampiran_Kepimpinan_1.5.3.pdf](#)
4. [K0059_K01_KB05_20224_UiTMCJ_Lampiran_Kepimpinan_1.5.4.pdf](#)
- 5.

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik UiTM 2025 dan dasar pendidikan negara menjadi panduan utama UiTMCJ untuk mencapai visi dan misi UiTM. Sebagai sebuah institusi pendidikan, UiTMCJ optimis melaksanakan aktiviti dan projek pemindahan ilmu dengan kerjasama akademia serta kolaborasi bersama pihak industri serta komuniti bagi memperolehi manfaat secara dua hala. Komitmen warga UiTMCJ yang terdiri daripada staf akademik dan staf pentadbiran sentiasa dititikberatkan dalam proses pelaksanaan inisiatif strategik bagi membolehkan objektif yang dirancang dapat dicapai. Bagi memastikan warga kampus UiTMCJ jelas dengan hala tuju UiTMCJ khasnya dan UiTM amnya, pelbagai strategi telah dirancang agar pelaksanaan projek dan aktiviti dibuat dengan sempurna dan tersusun. Pemantauan pelaksanaan dibuat secara berkala dengan mengaplikasikan kaedah IAOOI (Inputs, Activities, Outputs, Outcomes, Impacts) dan PDCA (Plan, Do, Check, Action). Sepanjang pelaksanaan dan pemantauan dibuat, UiTMCJ sentiasa memastikan tindakan penambahbaikan dilaksanakan bagi memastikan mutu perkhidmatan ataupun produk UiTMCJ sentiasa berkualiti tinggi. Penyebaran maklumat kepada warga UiTMCJ turut dibuat melalui pelbagai platform bagi memastikan warga sentiasa memperolehi maklumat yang tepat, seterusnya membangkitkan semangat berpasukan bagi mencapai visi dan misi yang digariskan. Ia juga membangkitkan sinergi positif dalam kalangan warga UiTMCJ yang secara tidak langsung menjadi satu momentum bagi memajukan diri bersama-sama dengan UiTMCJ.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan Kanan UiTMCJ sentiasa memastikan hala tuju UiTMCJ sentiasa seiring dengan aspirasi UiTM dan dasar pendidikan negara. Sehubungan dengan itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Pelan Tindakan Keusahawanan Institut Pendidikan Tinggi 2021- 2025 dan Pelan Strategik UiTM 2025 menjadi rujukan utama kepada perancangan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan (**Lampiran 2.2.1**).

UiTMCJ telah meletakkan objektif utama bagi bidang tumpuan yang dipilih iaitu Pemerksaan Jaringan Industri dan Keusahawanan Melalui Pemindahan Ilmu Dengan Kerjasama Akademia, Industri dan Komuniti.

Dalam usaha memastikan objektif Pemerksaan Jaringan Industri dan Keusahawanan ini dapat direalisasikan, tiga inisiatif strategik utama telah dirancang iaitu:

1) Industry Agropreneur

Inisiatif ini memfokuskan program-program kolaborasi bersama industri berkaitan keusahawanan dalam bidang pertanian

2) Entrepreneurial Hub

Inisiatif ini memfokuskan program-program keusahawanan bagi pembangunan staf dan pelajar UiTMCJ

3) Smart Industry Engagement

Inisiatif ini memfokuskan program-program kolaborasi dan perkongsian pintar bersama industri, komuniti dan alumni

Tiga inisiatif utama ini adalah selaras dengan Pelan Strategik UiTM 2025 iaitu Tema Strategik 2: Graduan Seimbang & Berciri Keusahawanan dan Tema Strategik 5: Perkongsian Pintar Industri, Komuniti & Alumni. (**Lampiran 2.2.2, Lampiran 2.2.3 dan Lampiran 2.2.4**)

UiTMCJ juga telah mengadakan bengkel Pemurnian Dokumen Pelan Strategik UiTM Cawangan Johor 2020/2021 dan Penjanaaan Ekonomi UiTM Cawangan Johor 2020/2021 serta mengkoordinasi perancangan strategik setiap bahagian, unit dan fakulti agar selari dengan Pelan Strategik UiTM 2025 (**Lampiran 2.2.5**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0059_P01_PB02_20221_UiTMCJ_Lampiran Perancangan Strategik 2.2.1.pdf](#)
2. [K0059_P01_PB02_20222_UiTMCJ_Lampiran Perancangan Strategik 2.2.2.pdf](#)
3. [K0059_P01_PB02_20223_UiTMCJ_Lampiran Perancangan Strategik 2.2.3.pdf](#)
4. [K0059_P01_PB02_20224_UiTMCJ_Lampiran Perancangan Strategik 2.2.4.pdf](#)
5. [K0059_P01_PB02_20225_UiTMCJ_Lampiran Perancangan Strategik 2.2.5.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Dalam usaha memastikan warga kampus sentiasa cakna dengan objektif dan inisiatif strategik serta perancangan strategik UiTMCJ, pemakluman dan peringatan disampaikan dari semasa ke semasa melalui pelbagai medium di pelbagai peringkat.

Amanat Tahun Baharu Rektor 2021 disampaikan kepada warga kampus secara atas talian melalui youtube. Selain itu, penyebaran maklumat berkenaan objektif dan inisiatif strategik turut disebar luas secara berkala kepada warga kampus melalui hebahan amanat rektor secara bulanan. Program Amanat Bulanan Rektor yang dijalankan serta perkongsian daripada rektor melalui artikel Minda Rektor merupakan inisiatif pihak pengurusan kepada seluruh warga tentang kedudukan dan halatuju UiTMCJ dalam mencapai pelan perancangan strategik UiTM (**Lampiran 2.3.1**).

Emel pemakluman berkaitan status pencapaian dari semasa ke semasa turut diemelkan oleh Penyelaras Unit Strategik dan Transformasi Universiti (**Lampiran 2.3.2**).

Selain itu, perkongsian pencapaian projek dikongsi bersama warga UiTMCJ melalui majalah dan laporan atas talian terbitan UiTMCJ, iaitu Paradigma Johor dan i-Prestige (**Lampiran 2.3.3**). Direktori projek juga disediakan supaya warga kampus maklum dengan projek yang sedang berjalan (**Lampiran 2.3.4**). Aktiviti penyebaran maklumat ini secara tidak langsung menaikkan semangat warga untuk lebih berdaya saing dan kreatif bagi membantu UiTMCJ mencapai objektif. Hal ini dapat dilihat melalui pelbagai medium media sosial oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ (**Lampiran 2.3.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_P01_PB03_20221_UiTMCJ_Lampiran Perancangan Strategik 2.3.1.pdf](#)
2. [K0059_P01_PB03_20222_UiTMCJ_Lampiran Perancangan Strategik 2.3.2 .pdf](#)
3. [K0059_P01_PB03_20223_UiTMCJ_Lampiran Perancangan Strategik 2.3.3.pdf](#)
4. [K0059_P01_PB03_20224_UiTMCJ_Lampiran Perancangan Strategik 2.3.4.pdf](#)
5. [K0059_P01_PB03_20225_UiTMCJ_Lampiran Perancangan Strategik 2.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTMCJ telah merangka pelan pemantauan secara menyeluruh ke atas Petunjuk Prestasi (PI) yang telah ditetapkan bagi memastikan objektif dan inisiatif strategik dapat dicapai. Pemantauan ini dilakukan oleh Unit Strategik Transformasi Universiti (USTU) UiTMCJ secara konsisten, progresif dan berkala melalui mesyuarat ketua bahagian (**Lampiran 2.4.1.1**). Setiap proses pemantauan ini mengikut tempoh dan jangka masa yang ditetapkan bagi memastikan projek yang dijalankan dapat dilaksanakan dan memudahkan proses penambahbaikan. UiTMCJ telah mengadakan bengkel Pemurnian Dokumen Pelan Strategik UiTM Cawangan Johor 2020/2021 dan Penjanaan Ekonomi UiTM Cawangan Johor 2020/2021 serta mengkoordinasi perancangan strategik setiap unit, bahagian dan fakulti agar selari dengan Pelan Strategik UiTM 2025 (**Lampiran 2.4.1.2**). Penyebaran maklumat berkaitan status pencapaian objektif dan inisiatif strategik disebar luas kepada warga kampus melalui hebahan amanat rektor secara bulanan (**Lampiran 2.4.1.3**).

UiTMCJ telah mengaplikasikan pelan pemantauan berdasarkan model IAOOI (Inputs, Activities, Outputs, Outcomes, Impacts) dan PDCA (Plan, Do, Check, Action). Projek-projek di bawah inisiatif strategik *Industry Agropreneur* dan *Entrepreneurial Hub* menggunakan model IAOOI manakala *Smart Industry Engagement* menggunakan model PDCA (**Rujuk Kriteria 6**).

Beberapa langkah dirangka bagi memantau projek yang dijalankan di UiTMCJ. Antara langkah yang dijalankan adalah pengumpulan data pencapaian petunjuk prestasi yang mana dilaksanakan pada setiap hujung bulan. Maklumat dikumpul melalui emel yang dihantar kepada semua pengurus projek (**Lampiran 2.4.1.4**). Perbincangan dengan pengurus projek turut diadakan bagi memantau perkembangan projek secara sistematik dan konsisten. Sesi perkongsian ilmu bersama warga UiTMCJ diadakan bagi berkongsi ilmu kejayaan projek berimpak kepada universiti (**Lampiran 2.4.1.5**).

Melalui hasil pemantauan, UiTMCJ dapat memantau keberkesanan sesuatu objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang. Informasi ini akan menjadi penanda aras kepada inisiatif lain dan membantu pihak yang terlibat untuk mengambil langkah dengan mewujudkan alternatif lain jika sesuatu inisiatif yang dirancang itu tidak menepati sasaran. Punca ketidakcapaian akan dikaji agar langkah pembetulan dan penambahbaikan dapat diambil segera.

SENARAI BUKTI:

1. [K0059_P01_PB04_PC01_20221_UiTMCJ_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1.1.pdf](#)
2. [K0059_P01_PB04_PC01_20222_UiTMCJ_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1.2.pdf](#)
3. [K0059_P01_PB04_PC01_20223_UiTMCJ_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1.3.pdf](#)
4. [K0059_P01_PB04_PC01_20224_UiTMCJ_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1.4.pdf](#)
5. [K0059_P01_PB04_PC01_20225_UiTMCJ_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.1.5.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko sangat penting sebagai kesediaan menghadapi segala ancaman dan risiko yang wujud bagi memastikan objektif dan inisiatif strategik yang dirangka dapat dicapai. Ia merupakan aspek utama bagi UiTMCJ untuk merealisasikan objektif dan strategi projek-projek di bawah tiga inisiatif utama Industry Agropreneur, Entrepreneurial Hub dan Smart Industry Engagement.

Oleh itu, USTU UiTMCJ sentiasa memantau dan komited dalam mengenalpasti setiap risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian objektif dan inisiatif strategik bagi setiap projek yang dilaksanakan. Pemantauan terhadap risiko objektif dan strategi projek di bawah tiga inisiatif utama iaitu Industry Agropreneur, Entrepreneurial Hub dan Smart Industry Engagement dilampirkan dalam **Lampiran 2.4.2.1**). Perancangan pengurusan risiko (**Lampiran 2.4.2.2**) terhadap bidang tumpuan turut dirangka bagi mencapai objektif dan inisiatif strategik. Selain itu, UiTMCJ juga meneliti SWOT analisis dalam memastikan risiko dapat diurus dengan baik (**Lampiran 2.4.2.3**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_P01_PB04_PC02_20221_UiTMCJ_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.2.1.pdf](#)
2. [K0059_P01_PB04_PC02_20222_UiTMCJ_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.2.2.pdf](#)
3. [K0059_P01_PB04_PC02_20223_UiTMCJ_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.2.3.pdf](#)

2.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCJ sentiasa berusaha meningkatkan keberhasilan sesuatu projek melalui inovasi hasil pelaksanaan atau penambahbaikan yang berterusan. Pemantauan berkala dilakukan kepada setiap penunjuk prestasi UiTMCJ yang telah dirangka memastikan ianya sentiasa menepati perancangan yang telah diatur dan menambahbaik prestasi sedia ada dalam setiap bidang paksi Industry Agropreneur (**Lampiran 2.4.3.1**), Entrepreneurial Hub (**Lampiran 2.4.3.2**), dan Smart Industry Engagement (**Lampiran 2.4.3.3**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_P01_PB04_PC03_20221_UiTMCJ_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3.1.pdf](#)
2. [K0059_P01_PB04_PC03_20222_UiTMCJ_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3.2.pdf](#)
3. [K0059_P01_PB04_PC03_20223_UiTMCJ_Lampiran Perancangan Strategik 2.4.3.3.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Melalui bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan, Pengurusan Kanan UiTMCJ telah memberi sokongan dalam pelbagai aspek termasuk kemudahan peruntukan kewangan, kemudahan infrastruktur, pengiktirafan dan sanjungan serta program pembudayaan dan penggalakan aktiviti Jaringan Industri dan Keusahawanan.

Hal ini dapat dilihat melalui pembudayaan elemen jaringan industri dan keusahawanan dalam setiap projek yang dijalankan oleh warga kampus UiTMCJ. Antaranya ialah pelbagai program berkaitan agropreneur, keusahawanan dan jaringan industri dilaksanakan sepanjang 2021 di seluruh unit, bahagian dan fakulti di UiTMCJ (**Lampiran 2.5.1**). Walaupun negara masih berhadapan dengan pandemik covid-19, ia tidak menghalang budaya keusahawanan dalam kalangan warga UiTMCJ. Ini dapat dibuktikan melalui beberapa siri webinar keusahawanan yang dijalankan oleh warga UiTMCJ (**Lampiran 2.5.2**).

Selain itu, pembudayaan aktiviti jaringan industri dan keusahawanan tidak hanya tertumpu kepada penceramah di dalam kampus malah turut melibatkan penceramah dan fasilitator dari luar bagi memberi pendedahan, berkongsi idea dan menarik minat warga UiTMCJ sekaligus juga menjayakan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan (**Lampiran 2.5.3**).

Pembudayaan aktiviti keusahawanan juga turut diperluas dengan memberi tumpuan kepada anjuran pertandingan di peringkat kampus dan kebangsaan. Hal ini dapat dilihat melalui penglibatan warga UiTMCJ dalam pertandingan keusahawanan dan jaringan industri di peringkat universiti dan kebangsaan serta pencapaian cemerlang warga UiTMCJ dalam pertandingan tersebut (**Lampiran 2.5.4**). Pertandingan seperti ini mampu memberi impak yang positif kepada warga UiTMCJ dalam menonjolkan dan mengetengahkan bakat mereka serta dapat memupuk budaya penglibatan industri di dalam bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan.

Beberapa aktiviti, program dan pertandingan yang melibatkan bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan turut dibentangkan dalam bentuk laporan. Ia adalah bertujuan untuk memberi penekanan kepada dapatan penting, isu utama, pandangan, pencapaian atau hasil yang diperoleh terhadap setiap projek yang dijalankan. Contohnya seperti Laporan Pertandingan 4th Digitalised International Invention, Innovation and Design Johor 2021 (DIID Johor 2021) (**Lampiran 2.5.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_P01_PB05_20221_UiTMCJ_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.1.pdf](#)
2. [K0059_P01_PB05_20222_UiTMCJ_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.2.pdf](#)
3. [K0059_P01_PB05_20223_UiTMCJ_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.3.pdf](#)
4. [K0059_P01_PB05_20224_UiTMCJ_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.4.pdf](#)
5. [K0059_P01_PB05_20225_UiTMCJ_Lampiran Perancangan Strategik 2.5.5.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCJ sentiasa mengutamakan kepuasan pelanggan dan segala keperluan diperincikan oleh semua pihak di UiTMCJ terutamanya dalam Jaringan Industri dan Keusahawanan dalam mencapai objektif strategik dan inisiatif utama yang telah ditetapkan. Secara khususnya penumpuan pelanggan diberikan kepada staf, pelajar, industri dan komuniti. UiTMCJ sentiasa peka dengan jalinan dan kebergantungan di antara kumpulan sasaran melalui analisis, aduan dan maklumbalas yang diterima daripada pelanggan.

Permulaan perancangan (*Plan*) untuk tumpuan pelanggan, projek-projek di bawah tiga inisiatif utama dirangka dianjurkan bagi mempertingkatkan persepsi dan kepuasan pelanggan dengan memastikan kelestarian UiTMCJ bukan hanya sebagai pusat pendidikan pengajian tinggi tetapi sebagai salah satu institusi yang sentiasa mengutamakan kehendak kumpulan sasaran. Melalui penumpuan terhadap kumpulan sasaran, pihak UiTMCJ dapat memberi fokus yang lebih baik terhadap pelanggannya. Kaedah dan cara pelaksanaan (*Do*) telah dikenalpasti bermula daripada proses pengumpulan maklumat, aduan, analisa dan tindakan susulan berdasarkan kepada maklumbalas yang diperolehi.

Hasil daripada analisa (*Check*) yang dilakukan daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada pelanggan yang menggunakan perkhidmatan di bahagian dan unit UiTMCJ, beberapa mekanisme bagi menangani aduan berbangkit diwujudkan. Pemantauan ini diperlukan bagi memastikan setiap aduan berbangkit dapat ditangani secara holistik dan aduan ini dapat diselesaikan secara kaedah 'situasi menang-menang'.

UiTMCJ sentiasa memberi penekanan terhadap penglibatan kumpulan sasaran dalam sesuatu projek terutama dari aspek perancangan penambahbaikan. Penglibatan kumpulan sasaran ini amatlah penting bagi keberlangsungan projek dan memastikan objektif dan pelaksanaan sesuatu projek dicapai. UiTMCJ juga sentiasa memastikan segala aduan yang diterima daripada pihak pelanggan diambil tindakan (*Act*) dengan mengurus serta memantau perjalanan maklumbalas ini secara holistik dan optimum.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCJ sentiasa memastikan pendekatan yang diambil bagi mengenalpasti kumpulan sasar dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan melalui tiga inisiatif utama iaitu *Industry Agropreneur*, *Entrepreneurial Hub* dan *Smart Industry Engagement* dapat dilakukan dengan optimum. Beberapa inisiatif projek telah dirangka berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Pelan Tindakan Keusahawanan Institut Pendidikan Tinggi 2021- 2025 dan Pelan Strategik UiTM 2025 dan menjadi teras kepada penentuan kumpulan sasar bagi inisiatif projek yang dianjurkan. Kumpulan sasar dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan yang dimaksudkan adalah pelanggan dalaman dan pelanggan luaran. Pelanggan dalaman merupakan staf, pelajar, penyelidik dan MASMED manakala pelanggan luaran pula adalah daripada alumni, industri dan komuniti. Melalui petunjuk prestasi yang telah ditetapkan oleh Pelan Perancangan Strategik, UiTMCJ telah merancang program dan projek mengikut petunjuk prestasi yang ditetapkan dengan memastikan setiap pelanggan yang dikenalpasti menerima faedah yang ingin dicapai. Bagi memastikan setiap petunjuk prestasi dicapai, UiTMCJ telah mengadakan sesi pemurnian Pelan Strategik UiTMCJ dengan melibatkan perbincangan bersama seluruh ketua bahagian, ketua unit dan ketua pusat pengajian (**Lampiran 3.2.1**). Pemurnian dokumen ini penting bagi memastikan setiap warga UiTMCJ memahami setiap petunjuk prestasi yang telah ditetapkan dan fokus dalam mencapai sasaran yang ditetapkan melalui projek dan program yang dirancang.

Bagi inisiatif *Industry Agropreneur*, semua staf UiTMCJ diberikan peluang untuk terlibat secara langsung dengan projek-projek yang dilaksanakan sama ada sebagai ketua projek, penasihat kelab-kelab keusahawanan pelajar, mentor, fasilitator, pensyarah pengiring dan paling penting sebagai peserta yang memberi sokongan untuk setiap projek yang dilaksanakan (**Lampiran 3.2.2**). Projek fertigasi cili dan penanaman nanas merupakan satu pendekatan yang baik dalam menarik pelajar, yang juga merupakan kumpulan sasar utama bagi merealisasikan projek-projek keusahawanan samada di dalam mahupun di luar kampus.

Di bawah inisiatif *Entrepreneurial Hub*, kumpulan sasar dikenalpasti berdasarkan keperluan pelajar dan staf UiTMCJ yang memerlukan pendedahan dalam bidang keusahawanan. Staf UiTMCJ yang berminat dalam bidang keusahawanan diberikan peluang untuk melibatkan diri sebagai penasihat kelab-kelab keusahawanan UiTMCJ, mentor, fasilitator, pensyarah pengiring dan menyertai bengkel dan seminar yang melayakkan staf menerima sijil (**Lampiran 3.2.3**). Pelbagai pendekatan didedahkan kepada pelajar didedahkan dengan seminar dan bengkel keusahawanan yang boleh membantu mereka mendapatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam bidang keusahawanan.

Dalam menghubungkan antara pihak industri dan UiTMCJ (*Smart Industry Engagement*), pembangunan modul '*Accelerated Entrepreneurship Development Programme*' (ACE) merupakan satu bentuk pendekatan iaitu rujukan utama dalam pembangunan program keusahawanan yang menarik minat pelajar (**Lampiran 3.2.4**). Projek ini juga merupakan salah satu pendekatan kepada penyelidik untuk melakukan penulisan. Kerjasama Kerajaan Negeri Johor dan Pengurusan Kanan UiTMCJ dalam menjayakan projek Usahaniti@Johor (**Lampiran 3.2.5**). Ini sebagai pendekatan dari segi pengukuhan ekonomi dan meningkatkan pendapatan kepada kumpulan sasaran seperti pelajar, industri, MASMED dan penyelidik. Pihak industri juga memainkan peranan penting dalam memastikan segala projek yang dirancang dapat dijalankan dengan lancar Selain itu, komuniti setempat dan masyarakat umum antara pelanggan luaran yang mendapat manfaat serta faedah daripada projek-projek Jaringan Industri dan Keusahawanan yang dilaksanakan oleh UiTMCJ. Usaha mempertingkatkan persepsi dan kepuasan pelanggan adalah dengan memastikan kelestarian UiTMCJ bukan hanya sebagai pusat pengajian pendidikan tinggi malah sebagai salah satu institusi yang sentiasa mengutamakan kehendak pemegang taruh.

SENARAI BUKTI:

1. [K0059_T01_TB02_20221_UiTMCJ_Lampiran_Tumpuan_Pelanggan_3.2.1.pdf](#)
2. [K0059_T01_TB02_20222_UiTMCJ_Lampiran_Tumpuan_Pelanggan_3.2.2.pdf](#)
3. [K0059_T01_TB02_20223_UiTMCJ_Lampiran_Tumpuan_Pelanggan_3.2.3.pdf](#)
4. [K0059_T01_TB02_20224_UiTMCJ_Lampiran_Tumpuan_Pelanggan_3.2.4.pdf](#)
5. [K0059_T01_TB02_20225_UiTMCJ_Lampiran_Tumpuan_Pelanggan_3.2.5.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelanggan adalah keutamaan. Prinsip ini merupakan prinsip utama UiTMCJ agar pelanggan sedia ada mahupun pelanggan baru sentiasa berpuashati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh UiTMCJ. Untuk memastikan kepuasan hati pelanggan sentiasa berada di tahap terbaik, segala data pelanggan dikenalpasti, dikumpul, dan disimpan dengan efisien dan selamat oleh UiTMCJ. Prosedur dan kaedah pengumpulan data pelanggan diperincikan di dalam **Lampiran 3.3.1** berpandukan tiga inisiatif utama Jaringan Industri dan Keusahawanan iaitu *Industry Agropreneur*, *Entrepreneurial Hub* dan *Smart Industry Engagement*. Setiap projek daripada inisiatif yang dinyatakan tersebut menyimpan segala maklumat penting yang diberikan oleh pelanggan UiTMCJ di mana maklumat ini digunakan sebagai kayu pengukur untuk melihat dan memantau pencapaian projek yang telah dijalankan serta digunakan untuk membantu dalam proses penganalisaan bagi tujuan penambahbaikan pada masa akan datang. Data berkaitan pelaksanaan projek-projek Jaringan Industri dan Keusahawanan dikumpulkan secara berkala dalam bentuk salinan keras (*hardcopy*) dan juga salinan lembut (*softcopy*) oleh ketua-ketua projek yang telah dilantik. Dokumen salinan keras (*hardcopy*) akan disimpan di dalam fail mengikut nama projek manakala dokumen salinan lembut (*softcopy*) pula akan disimpan di dalam *google drive*. Kedua-dua jenis dokumen ini diselenggara serta dikemaskini oleh koordinator yang telah dipertanggungjawabkan bagi unit Jaringan Industri dan Keusahawanan BPJIA UiTMCJ. Bagi projek yang melibatkan keusahawanan, koordinator MASMED akan membentangkan status semasa untuk setiap projek di dalam mesyuarat berkala BPJIA bagi membincangkan masalah yang dihadapi dan tindakan penambahbaikan yang perlu diambil bagi memastikan kelancaran projek di peringkat yang seterusnya (**Lampiran 3.3.2**). Timbalan Rektor BPJIA UiTMCJ juga telah mengambil inisiatif menerbitkan laporan tahunan aktiviti BPJIA di dalam Buku Laporan Tahunan Aktiviti BPJIA yang diberi nama *i-PRESTIGE* bermula tahun 2019 hingga kini. Disamping itu juga, UiTMCJ juga memberi galakan dan peluang kepada staf di seluruh sistem UiTM untuk menerbitkan artikel keusahawanan dalam majalah PARADIGMA (**Lampiran 3.3.3**). Dengan penerbitan *i-PRESTIGE* dan PARADIGMA, semua aktiviti dan program yang telah dijalankan oleh unit unit di bawah BPJIA UiTMCJ amnya dan unit Jaringan Industri dan Keusahawanan BPJIA UiTMCJ khususnya, dapat direkodkan dan dapat diakses oleh semua warga UiTM dan pelanggan UiTMCJ dengan lebih pantas, singkat, tepat, terkini, sistematik dan efektif melalui laman sesawang UiTMCJ dengan konsep *paperless* iaitu *softcopy*.

Penglibatan kumpulan sasaran secara holistik dilihat telah membantu dalam membangunkan bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan UiTMCJ. **Lampiran 3.3.4** menunjukkan bagaimana penglibatan kumpulan sasaran yang mempunyai sinergi berjaya menjalinkan kerjasama yang baik dengan UiTMCJ dalam menjayakan pelaksanaan setiap projek yang telah dirancang (**Lampiran 3.3.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_T01_TB03_20221_UiTMCJ_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.3.1.pdf](#)
2. [K0059_T01_TB03_20222_UiTMCJ_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.3.2.pdf](#)
3. [K0059_T01_TB03_20223_UiTMCJ_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.3.3.pdf](#)
4. [K0059_T01_TB03_20224_UiTMCJ_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.3.4.pdf](#)
5. [K0059_T01_TB03_20225_UiTMCJ_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.3.5 .pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTMCJ sentiasa memastikan setiap projek yang dijalankan di bawah bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan dapat memberikan impak positif kepada semua kumpulan sasaran yang terlibat. Perincian kebaikan dan ganjaran yang diperoleh kumpulan sasaran diterangkan dalam **Lampiran 3.4.1.1**.

Program Kolaborasi Penanaman Cili Fertigasi dan nanas antara pihak MASMED dan FAMA Johor serta LPNM Johor dapat memberi pendedahan kepada pelajar dan staf dalam mengendalikan proses penanaman cili fertigasi dan nanas. LPNM dan FAMA telah memberikan sumbangan kepakaran, khidmat nasihat, fasiliti beserta dana dalam membantu dalam merealisasikan projek “*Industry Agropreneur*” ini. Melalui program YouTube For Beginner: How To Be A Successful Content Creator, pelajar mendapat pendedahan berkaitan kemahiran pengisian, pengurusan, dan pemasaran yang berkaitan dengan aplikasi *WhatsApp* serta bertindak secara optimistik dengan peluang keusahawanan semasa. Pelajar dapat mencari peluang penjana pendapatan melalui kaedah yang lebih mudah, dengan kos yang minimum dan mengikut tren terkini.

Di samping itu, staf dapat meningkatkan pemantapan ekosistem keusahawanan sosial dan inovasi serta menjadi pembimbing keusahawanan IPT yang bertauliah setelah memperolehi sijil yang diiktiraf oleh pihak penganjur dan KPT melalui Social Innovation And Entrepreneurship Trainer Certification Programme. Komuniti dan masyarakat setempat termasuk usahawan kecil, golongan OKU dan ibu tunggal antara kumpulan sasaran yang mendapat faedah daripada kolaborasi yang telah dilaksanakan. Ilmu dan bantuan yang diperolehi oleh komuniti dan masyarakat setempat ini dapat membantu mereka menjana pendapatan dan meningkatkan peluang pemasaran secara lebih meluas. Ia secara langsung dapat merapatkan hubungan pihak komuniti dan universiti.

Bagi memastikan setiap projek yang dirancang berjalan lancar, Pengurusan Kanan UiTMCJ melalui Unit Strategik dan Transformasi Universiti (USTU) UiTMCJ sentiasa memantau kelancaran projek melalui mesyuarat Ketua Bahagian yang telah menjalankan beberapa strategi pemantauan projek–projek yang dijalankan. Antara strategi yang dibuat adalah membuat pengumpulan data pencapaian petunjuk prestasi secara bulanan, membuat perbincangan secara berkala dengan pengurus projek dan mengadakan sesi perkongsian bersama warga untuk menyebarkan maklumat berkaitan projek–projek yang dijalankan. **(Lampiran 3.4.1.2)**. Hasil daripada mesyuarat ini, maklumbalas yang cadangan yang diterima daripada pelanggan dapat dikenalpasti dan dapat diselesaikan dengan baik. Setiap isu yang timbul dikaji dan diusulkan tindakan penambahbaikan. **(Lampiran 3.4.1.3)**

SENARAI BUKTI:

1. [K0059_T01_TB04_TC01_20221_UiTMCJ_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.1.1.pdf](#)
2. [K0059_T01_TB04_TC01_20222_UiTMCJ_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.1.2.pdf](#)
3. [K0059_T01_TB04_TC01_20223_UiTMCJ_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.1.3.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi memastikan kesemua pelanggan mendapat kebaikan daripada projek yang dilaksanakan, UiTMCJ mengambil langkah proaktif dalam pengurusan risiko dengan mengenalpasti kaedah pengurusan risiko bagi setiap projek di bawah tiga inisiatif utama Jaringan Industri dan Keusahawanan

Untuk *Industry Agropreneur*, antara risiko utama yang dikenalpasti ialah penglibatan dan komitmen staf dan pelajar yang sangat rendah dalam projek-projek yang dilaksanakan. Faktor risiko ini mungkin disebabkan oleh staf dan pelajar tidak berminat dan juga kekangan masa untuk menyertai projek-projek yang dilaksanakan. Antara kaedah pengurusan risiko yang diambil adalah staf yang terlibat diberikan surat lantikan untuk tujuan penilaian 'MyATP' dan kenaikan pangkat. Disamping itu juga, risiko kekurangan dana dalam projek agrotani berskala tinggi dapat diatasi dengan menjalinkan kerjasama bersama industri melalui perkongsian dana dan jalinan MoU dan MoA (**Lampiran 3.4.2.1**).

Di bawah inisiatif *Entrepreneurial Hub*, pelbagai program diadakan seperti Kursus Asas Intrapreneur 101 (Ready to Work) oleh pihak INSKEN dan Social Innovation And Entrepreneurship Trainer Certification Programme oleh MAGIC. Namun, kebanyakan pelajar kurang menyertai program dan tidak berminat untuk terlibat dengan projek-projek keusahawanan akibat komitmen terhadap tugas lain. Oleh itu, pelajar perlu mendapat maklumat awal agar pelajar dapat merancang waktu bagi aktiviti pembelajaran dan aktiviti universiti dengan lebih efektif. Pihak penganjur program dapat mengurangkan risiko kekurangan penglibatan pelajar dengan membincangkan topik yang bersesuaian dan terkini dalam seminar. Kaedah pengurusan risiko yang berkesan adalah penyediaan borang penjurian secara digital dan maklumat berkaitan penjurian adalah lengkap dan senang diakses. Disamping itu juga, risiko kekurangan kepakaran dalam projek agrotani berskala tinggi dapat diatasi dengan menjalinkan kerjasama bersama industri melalui perkongsian pengetahuan (**Lampiran 3.4.2.2**).

Bagi inisiatif *Smart Industry Engagement*, risiko kekurangan dana bagi program berbentuk akademik diatasi melalui tajaan dari pihak luar terutamanya dari pihak industri dan alumni. Selain itu, risiko staf dan pelajar tidak berminat untuk terlibat dengan projek-projek kolaborasi yang dilaksanakan antara pihak universiti dan pihak industri. Antara kaedah pengurusan risiko bagi mengatasi isu penglibatan dan komitmen staf dan pelajar adalah dengan memberikan ganjaran kepada pemenang di dalam program keusahawanan ini (**Lampiran 3.4.2.3**).

Jawatankuasa pelaksana projek boleh mengambil inisiatif dengan membuat hebahan dan promosi yang lebih intensif dan berkesan untuk menggalakkan penyertaan daripada staf dan pelajar.

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_T01_TB04_TC02_20221_UiTMCJ_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.2.1.pdf](#)
2. [K0059_T01_TB04_TC02_20222_UiTMCJ_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.2.2.pdf](#)
3. [K0059_T01_TB04_TC02_20223_UiTMCJ_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.2.3.pdf](#)
4. [K0059_T01_TB04_TC02_20224_UiTMCJ_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.2.3.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil daripada analisa yang dilakukan daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada pelanggan yang menggunakan perkhidmatan di bahagian dan unit UiTMCJ serta borang maklumbalas peserta yang terlibat dengan setiap projek yang dilaksanakan, beberapa mekanisma bagi menangani aduan berbangkit diwujudkan. Setiap maklumbalas yang diterima daripada pelanggan pula akan diteliti, dianalisa, dibincangkan di dalam mesyuarat bersama pihak Pengurusan Kanan UiTMCJ bagi menentukan tindakan yang perlu diambil bagi menambahbaik program yang dijalankan. **Lampiran 3.4.3.1** menunjukkan mekanisma dan tindakan yang digunakan oleh UiTMCJ bagi menangani masalah atau aduan berbangkit daripada pihak pelanggan berdasarkan projek tumpuan. Ia dapat dirumuskan bahawa pihak Pengurusan UiTMCJ telah membincangkan kaedah untuk mengatasi masalah yang dinyatakan dan juga mendapat khidmat nasihat dan rundingan kepakaran yang berterusan dari pihak yang terlibat bagi memastikan program terus dijalankan dari semasa ke semasa.

Bagi memastikan setiap analisa yang dibuat untuk setiap projek dikongsi warga UiTMCJ, Pengurusan Kanan UiTMCJ (BPJIA terutamanya) mengadakan sesi perkongsian pencapaian petunjuk prestasi kepada seluruh warga kampus UiTMCJ melalui mesyuarat ketua bahagian dengan menerangkan beberapa risiko-risiko yang dikenalpasti dan tindakan pencegahan yang diambil bagi mengatasi ketidakcapaian petunjuk prestasi bagi bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan (**Lampiran 3.4.3.2**). Di samping itu juga, pada sesi perkongsian ini, Pengurusan Kanan UiTMCJ juga menyenaraikan beberapa kejayaan yang memberikan kebaikan kepada seluruh pelanggan yang dikenalpasti melalui platform yang sesuai (**Lampiran 3.4.3.3**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_T01_TB04_TC03_20221_UiTMCJ_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.3.1.pdf](#)
2. [K0059_T01_TB04_TC03_20222_UiTMCJ_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.3.2.pdf](#)
3. [K0059_T01_TB04_TC03_20223_UiTMCJ_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.4.3.3.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi memastikan segala aduan yang diterima daripada pihak pelanggan diambil tindakan, UiTMCJ sentiasa proaktif dalam mengurus serta memantau perjalanan maklumbalas pelanggan ini secara holistik dan optimum menggunakan kaedah sistem pengkomputeran yang mesra pengguna. Perkara ini amat penting bagi melaksanakan segala penambahbaikan melalui hasil analisa yang diterima. **Lampiran 3.5.1** menunjukkan inovasi dan penambahbaikan yang dilakukan kepada projek yang berkaitan bagi meningkatkan kadar kepuasan pihak-pihak yang berkepentingan dalam tiga inisiatif utama Jaringan Industri dan Keusahawanan. Tanah lereng bukit di sepanjang jalan masuk ke UiTMCJ dioptimumkan dengan penanaman nanas. Ini memberikan landskap yang lebih menarik berbanding tanah kosong yang terbiar. Penanaman cili fertigasi di dalam kawasan kampus juga menambahkan elemen hijau di dalam kampus bersesuaian dengan konsep kampus *Simfoni Alam, Digital dan Bestari* seperti di **Lampiran 3.5.2**. Selain itu, ramai pelajar telah menyertai aktiviti dan projek keusahawanan dan mampu membawa nama UiTMCJ ke peringkat yang lebih tinggi. Dengan ini, mereka dapat meningkatkan kemahiran *soft skill* apabila diberi peluang bertanding di peringkat tertinggi contohnya di peringkat negeri, peringkat zon selatan, peringkat antara universiti and sekaligus peringkat antarabangsa (**Lampiran 3.5.3**). Kelebihan dengan penglibatan aktiviti seperti ini, sijil penyertaan mereka boleh digunakan untuk memohon menduduki asrama bagi semester berikutnya. Di samping itu, sokongan kepada pelajar dalam menyertai pertandingan keusahawanan di peringkat kebangsaan juga merupakan satu pencapaian dalam melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran keusahawanan (**Lampiran 3.5.3**). Sebanyak 12 MoU telah dimeterai dalam menggalakkan penglibatan bersama industri (**Lampiran 3.5.4**). Hasilnya, pelbagai kejayaan telah dilakar oleh UiTMCJ melalui tiga inisiatif utama bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan termasuklah penerbitan buku bertemakan keusahawanan, penubuhan hub keusahawanan dan penjana pendapatan melalui aktiviti keusahawanan (**Lampiran 3.5.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_T01_TB05_20221_UiTMCJ_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.5.1.pdf](#)
2. [K0059_T01_TB05_20222_UiTMCJ_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.5.2.pdf](#)
3. [K0059_T01_TB05_20223_UiTMCJ_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.5.3.pdf](#)
4. [K0059_T01_TB05_20224_UiTMCJ_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.5.4.pdf](#)
5. [K0059_T01_TB05_20225_UiTMCJ_Lampiran Tumpuan Pelanggan 3.5.5.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCJ sentiasa memastikan segala perancangan (Plan) dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan dirancang secara teliti dan realistik melalui tiga inisiatif utama iaitu **1) Industry Agropreneur, 2) Entrepreneurial Hub dan 3) Smart Industry Engagement**. Bagi menetapkan perancangan dalam bidang ini, UiTMCJ telah mengambil kira beberapa elemen termasuklah Pelan Strategik UiTM 2025, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan Pelan Tindakan Keusahawanan Institut Pengajian Tinggi 2021-2025. Setiap pelan ini diteliti oleh Pengurusan Kanan bagi menentukan petunjuk prestasi yang akan diberikan kepada setiap bahagian, unit dan fakulti di UiTMCJ. Semasa proses penentuan petunjuk prestasi, Pengurusan Kanan UiTMCJ sentiasa memastikan setiap pelaksanaan (Do) inisiatif strategik adalah berteraskan kemampuan warga kampus. Bagi memastikan setiap projek yang dirancang tercapai, objektif yang ditetapkan adalah diukur agar selaras dengan kemampuan warga kampus. Hal ini dibuktikan dengan perancangan setiap petunjuk prestasi Pelan Strategik UiTMCJ yang ditentukan, ianya mengambil kira jumlah penglibatan staf dan pelajar, kemudahan sedia ada bagi menjalankan projek dan dana yang diperlukan. Melalui objektif dan item ukuran ini, Pengurusan kanan UiTMCJ melantik ketua-ketua yang berkeelayakan untuk merealisasikan projek-projek yang telah diatur. Pelantikan ketua projek ini dinilai melalui kepakaran individu dalam melaksanakan dan menjayakan projek, terutamanya dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan. Ketua-ketua projek ini juga memastikan semua petunjuk prestasi ini dapat dicapai. Hasil daripada projek yang telah dijalankan, pemantauan (Check) akan dilakukan oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ bersama pihak yang terlibat. Pemantauan dibuat melalui pembentangan status projek-projek yang dirancang di dalam mesyuarat. Ini adalah bertujuan untuk mengkaji dan membuat analisa bagi setiap projek yang telah dianjurkan. Melalui analisa ini, tindakan pembetulan dan penambahbaikan (Act) dapat dikenalpasti dan dijalankan. Hal ini amat penting dalam setiap item pengukuran, analisis, dan pengurusan pengetahuan organisasi secara menyeluruh agar penambahbaikan dari segi kewangan, kecekapan dan kepakaran warga UiTMCJ dapat disempurnakan.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi memastikan organisasi berada pada tahap yang lebih baik, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh UiTMCJ, termasuklah membina serta memperluas hubungan dengan industri, alumni, komuniti dan organisasi luar. Dengan mengambil kira Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Pelan Tindakan Keusahawanan Institut Pengajian Tinggi 2021- 2025 dan Pelan Strategik UiTM 2025, penetapan petunjuk prestasi yang bersesuaian telah dikenalpasti oleh pihak Pengurusan Kanan UiTMCJ bagi mengukur pencapaian dalam bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan (**Lampiran 4.2.1**). Bagi mendokong aspirasi negara melalui pelan tindakan yang dikenalpasti, UiTMCJ sentiasa memastikan setiap perancangan yang ditetapkan dapat dijayakan dengan cemerlang.

Lampiran 4.2.2 menunjukkan perancangan organisasi menggunakan kaedah *Strategic Action Plan (SAP)* UiTMCJ, yang bertindak sebagai kayu ukur bagi menilai tahap kecemerlangan setiap unit, bahagian dan fakulti di universiti ini. Setiap petunjuk prestasi yang ditetapkan kepada bahagian, unit dan fakulti di UiTMCJ mengambil kira jumlah tenaga sumber manusia dan kepakaran yang ada. Mesyuarat diadakan di peringkat atasan dengan menyenaraikan petunjuk prestasi yang dikongsi bersama kepada semua ketua bahagian, ketua unit dan juga ketua pusat pengajian (**Lampiran 4.2.3**). Pengukuran petunjuk prestasi ini juga mengambil kira pencapaian yang telah dicapai pada tahun sebelumnya di mana petunjuk prestasi yang tercapai dengan jayanya pada tahun sebelum, ditambahbaik dengan peningkatan bilangan sasaran bagi memastikan sumber-sumber yang sedia ada dapat digunakan dengan lebih optimum. Hal ini dapat dilihat melalui perkongsian pencapaian petunjuk prestasi pada tahun 2020 oleh Penyelaras USTU UiTMCJ yang menjadi salah satu kayu ukur dalam menentukan petunjuk prestasi tahun 2021 dalam mesyuarat ketua bahagian bertarikh 17 Januari 2021 (**Lampiran 4.2.4**). Hasilnya, setiap petunjuk prestasi dan item ukuran bagi mengukur bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan ini juga dapat dicapai dan ini dapat dilihat dengan lebih jelas melalui senarai MOU dan MOA Agensi Dalam dan Luar Negara serta kejayaan penganjuran aktiviti komuniti, industri dan keusahawanan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021 (**Lampiran 4.2.5**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0059_A01_AB02_20221_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.2.1.pdf](#)
2. [K0059_A01_AB02_20222_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.2.2 .pdf](#)
3. [K0059_A01_AB02_20223_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.2.3.pdf](#)
4. [K0059_A01_AB02_20224_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.2.4.pdf](#)
5. [K0059_A01_AB02_20225_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.2.5.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi memastikan setiap petunjuk prestasi yang telah ditetapkan oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ dapat dicapai, kaedah yang digunakan untuk membuat penilaian adalah melalui penubuhan beberapa unit kecil oleh ketua bahagian, ketua unit dan ketua pusat pengajian di fakulti yang menggerakkan projek yang dirancang dalam mencapai petunjuk prestasi. Hal ini dapat dilihat daripada penubuhan Special Interest Group (SIG) dari setiap fakulti yang ditugaskan untuk menjalankan projek-projek bagi bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan. Data-data dari penubuhan dan pelaksanaan projek dikumpul dan digunakan dalam mengukur pencapaian petunjuk prestasi. Hasilnya, terdapat 19 kumpulan SIG yang telah ditubuhkan pada tahun 2021 (**Lampiran 4.3.1**). Di samping itu juga, MASMED UiTMCJ juga diamanahkan dengan tiga petunjuk prestasi bagi mendokong hasrat UiTM dalam meningkatkan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar mahupun staf yang terlibat. Melalui petunjuk prestasi yang ditetapkan, penglibatan bagi projek keusahawanan tidak hanya tertumpu melibatkan staf dan pelajar sahaja, malah melibatkan juga pemain industri termasuklah FAMA, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia dan Jabatan Pertanian Negeri (**Lampiran 4.3.2**). Bagi setiap projek yang dirancang, unit-unit kecil yang digerakkan tidak hanya melihat kepada pencapaian sasaran yang ditetapkan, tetapi juga mengambil kira kepentingan dan kebaikan yang akan setiap entiti yang terlibat akan diterima selepas projek dijalankan. Oleh hal demikian, bagi membuat penilaian setiap projek yang dilaksanakan, dimulakan dengan mesyuarat bagi membincangkan objektif dan hala tuju program yang dilaksanakan. Dokumen seperti kertas kerja serta senarai tugas setiap ahli amat penting dalam melaksanakan projek-projek yang dirancang (**Lampiran 4.3.3**). Setelah projek yang dirancang selesai, borang maklumbalas diberikan kepada setiap peserta yang terlibat bagi mendapatkan maklumbalas projek yang dijalankan. Data maklumbalas ini amat diperlukan dalam menambah baik proses kerja dan bagi meningkatkan prestasi kerja sedia ada (**Lampiran 4.3.4**). Bagi mengukur pencapaian semasa, satu item ukuran sistematik telah digunakan bagi mengumpul setiap data yang diperlukan. Data telah dikumpulkan secara berkala di dalam mesyuarat ketua bahagian yang dilaksanakan empat kali setahun dan mengikut prosedur pengukuran analisa data. Senarai dalam **Lampiran 4.3.5** menunjukkan secara keseluruhan item ukuran, data yang digunakan dan kekerapan analisa bagi pengukuran prestasi UiTMCJ di bawah bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan mengikut tiga inisiatif utama iaitu *Industry Agropeneur*, *Entrepreneurial Hub*, dan *Smart Industry Engagement*. Pengukuran Analisa ini dilaksanakan oleh penyelarass USTU UiTMCJ.

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_A01_AB03_20221_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.3.1.pdf](#)
2. [K0059_A01_AB03_20222_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.3.2.pdf](#)
3. [K0059_A01_AB03_20223_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.3.2.pdf](#)
4. [K0059_A01_AB03_20224_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.3.4.pdf](#)
5. [K0059_A01_AB03_20225_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.3.5 .pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan Kanan UiTMCJ telah melaksanakan tiga inisiatif utama Jaringan Industri dan Keusahawanan sepanjang tahun 2021. Kesemua projek ini memerlukan strategi dan kaedah pemantauan yang baik bagi memastikan projek berjalan dengan lancar dan segala risiko dan permasalahan dikenalpasti.

Proses pemantauan dilakukan melalui mesyuarat secara berkala oleh ketua projek dan dibantu ahli jawatankuasa yang terlibat. Maklumbalas dan analisa daripada proses pemantauan tersebut dibincangkan bersama Timbalan Rektor BPJIA dan koordinator-koordinator yang terlibat. Segala permasalahan yang telah dikenalpasti dikaji semula oleh pihak pengurusan dan diperincikan bagi memastikan projek yang dijalankan dapat dilaksanakan dengan lancar. Antara pelan pemantauan yang telah dibuat untuk setiap projek yang dirancang adalah melantik jawatankuasa tetap untuk mengendalikan projek (**Lampiran 4.4.1.1**). Seterusnya, melibatkan kelab–kelab pelajar UiTMCJ sebagai tenaga kerja (**Lampiran 4.4.1.2**), dan membuat kolaborasi dengan organisasi–organisasi luar (**Lampiran 4.4.1.3**).

Di samping itu, Unit Strategik dan Transformasi Universiti (USTU) UiTMCJ juga telah menjalankan beberapa strategi pemantauan projek–projek yang dijalankan. Antara strategi yang dibuat adalah membuat pengumpulan data pencapaian petunjuk prestasi secara bulanan, membuat perbincangan secara berkala dengan pengurus projek dan mengadakan sesi perkongsian bersama warga untuk menyebarkan maklumat berkaitan projek–projek yang dijalankan melalui mesyuarat ketua bahagian. (**Lampiran 4.4.1.4**)

Melalui strategi dan pelan yang telah dibuat, data yang dikumpul dapat dianalisa dan seterusnya digunakan untuk merancang penambahbaikan prestasi setiap projek. Dengan mengumpul data pencapaian petunjuk prestasi secara bulanan, jawatankuasa dapat melihat kemajuan untuk sesuatu projek dan mengenalpasti sama ada projek berjalan mengikut perancangan ataupun tidak. Selain itu, dengan membuat mesyuarat secara berkala, sebarang masalah yang timbul dalam sesuatu projek dapat dikenalpasti dan penyelesaian serta tindakan pencegahan dapat dikenalpasti dengan segera. Dengan mengadakan sesi perkongsian bersama warga UiTMCJ, warga dapat diberi pendedahan tentang projek yang dijalankan, dan ini juga mampu untuk menarik minat warga untuk melibatkan diri dalam projek–projek tersebut. Di samping itu juga, BPJIA melalui MASMED juga turut serta dalam program keusahawanan sosial bagi membantu usahawan di sekitar Segamat dalam membangunkan dan memasarkan produk mereka bagi meningkatkan taraf hidup penduduk setempat (**Lampiran 4.4.1.5**). Hasil daripada pemantauan ini, petunjuk prestasi yang tercapai dengan jayanya telah dikenalpasti dan ditinggikan lagi bilangannya bagi memastikan sumber-sumber yang ada di UiTMCJ dapat digunakan secara optimum.

SENARAI BUKTI:

1. [K0059_A01_AB04_AC01_20221_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.4.1.1.pdf](#)
2. [K0059_A01_AB04_AC01_20222_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.4.1.2.pdf](#)
3. [K0059_A01_AB04_AC01_20223_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.4.1.3.pdf](#)
4. [K0059_A01_AB04_AC01_20224_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.4.1.4.pdf](#)
5. [K0059_A01_AB04_AC01_20225_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.4.1.5.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Setiap perancangan bagi sesuatu program pastinya mempunyai risiko. UiTMCJ sentiasa memastikan segala risiko dapat dikenalpasti melalui pemantauan yang cekap oleh pihak-pihak terlibat. Hal ini amat penting dari segi pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan kerana kegagalan menangani risiko akan menyebabkan ketidakcapaian petunjuk prestasi dan objektif sesuatu projek. Bagi ketiga-tiga inisiatif iaitu *Industry Agropreneur*, *Entrepreneurial Hub* dan *Smart Industry Engagement*, risiko ini dikenalpasti melalui perbincangan hasil daripada MoU bersama pihak industri dan juga melalui beberapa siri lawatan tapak yang dikendalikan oleh UiTMCJ (**Lampiran 4.4.2.1**). Malah UiTMCJ juga turut menganjurkan program *Agropreneur Upskilling* dengan menjemput penceramah daripada industri bagi memberi pendedahan dan menarik minat kepada warga UiTMCJ sebagai persediaan mengenal risiko-risiko yang bakal dihadapi (**Lampiran 4.4.2.2**).

Pengurusan risiko sangat penting sebagai kesediaan menghadapi segala ancaman dan risiko yang wujud bagi memastikan objektif strategik dan inisiatif utama yang dirangka dapat dicapai. Oleh itu, Pengurusan Kanan UiTMCJ sentiasa mengambil, memantau dan komited dalam menyediakan rancangan untuk menangani segala jangkaan risiko yang wujud dalam setiap projek di bawah Jaringan Industri dan Keusahawanan. Rujuk **Lampiran 4.4.2.3** untuk penjelasan pelan pemantauan risiko oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ terhadap projek dalam bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan. Setiap ketidakcapaian petunjuk prestasi dan objektif projek yang ditetapkan dibincang pelan pemantauan bagi mengatasi risiko ini di dalam mesyuarat-mesyuarat yang melibatkan Pengurusan Kanan dan pihak-pihak yang terlibat (**Lampiran 4.4.2.4**). Dengan adanya pelan pemantauan dan tindakan dalam mengatasi risiko yang ada, segala objektif dapat dilaksanakan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_A01_AB04_AC02_20221_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.4.2.1.pdf](#)
2. [K0059_A01_AB04_AC02_20222_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.4.2.2.pdf](#)
3. [K0059_A01_AB04_AC02_20223_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.4.2.3 .pdf](#)
4. [K0059_A01_AB04_AC02_20224_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.4.2.4 .pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan UiTMCJ sentiasa peka terhadap isu yang dibangkitkan dalam menambahbaik prestasi sedia ada dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan untuk UiTMCJ. Hasil perbincangan dan analisa yang dibuat dalam mesyuarat yang telah dijalankan, setiap entiti yang terlibat akan mengenalpasti tindakan penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi menambahbaik proses projek yang dijalankan. Setiap isu dikaji dengan teliti di dalam mesyuarat ketua bahagian bagi memastikan ianya mampu ditambahbaik (**Lampiran 4.3.3.1**). Penerangan yang lebih jelas dapat dilihat pada (**Lampiran 4.4.3.2**) menunjukkan hasil tindakan penambahbaikan prestasi yang telah dilakukan oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ dalam setiap projek yang dipilih melalui maklumbalas oleh kumpulan sasar. Maklumbalas daripada peserta yang terlibat dalam program-program yang dijalankan juga amatlah penting bagi memastikan tidak hanya objektif sesuatu program tercapai, malahan kepuasan oleh pelanggan juga dapat dioptimumkan (**Lampiran 4.4.3.3**).

Segala risiko yang dihadapi semasa pelaksanaan projek sentiasa dipantau oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ bagi memastikan ianya sentiasa menepati perancangan yang telah diatur. Hasil tindakan penambahbaikan dikaji dan dianalisa dalam bentuk laporan yang diteliti bersama-sama jawatankuasa yang telah dilantik bagi setiap projek agar ianya dapat dicapai dan dilaksanakan dengan baik. Bagi memastikan setiap analisa yang dibuat untuk setiap projek diambil peduli oleh warga UiTMCJ, Pengurusan Kanan UiTMCJ (BPJIA terutamanya) mengadakan sesi perkongsian pencapaian petunjuk prestasi kepada seluruh warga kampus UiTMCJ dengan menerangkan beberapa kejayaan pencapaian dan faktor ketidakcapaian sesuatu petunjuk prestasi (**Lampiran 4.4.3.4**). Di samping itu juga, pada sesi perkongsian ini, Pengurusan Kanan UiTMCJ juga memberikan beberapa cadangan penyelesaian bagi membolehkan ketidakcapaian petunjuk prestasi yang ditetapkan dapat dicapai (**Lampiran 4.4.3.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_A01_AB04_AC03_20221_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.4.3.1.pdf](#)
2. [K0059_A01_AB04_AC03_20222_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.4.3.2.pdf](#)
3. [K0059_A01_AB04_AC03_20223_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.4.3.3.pdf](#)
4. [K0059_A01_AB04_AC03_20224_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.4.3.4.pdf](#)
5. [K0059_A01_AB04_AC03_20225_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.4.3.5.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penambahbaikan secara berterusan adalah penting bagi memastikan projek-projek yang telah dirancang dapat memberi impak yang positif, seterusnya meningkatkan aksesibiliti dari segi Jaringan Industri dan Keusahawanan. Dengan memastikan penambahbaikan dilakukan secara berterusan, budaya ini dapat membantu meningkatkan prestasi UiTMCJ. Melalui petunjuk prestasi yang telah ditetapkan (**Lampiran 4.5.1**), Pengurusan Kanan UiTMCJ telah mengagihkan petunjuk-petunjuk prestasi bagi bidang tumpuan yang dipilih kepada ketua bahagian, unit dan juga fakulti mengikut kemampuan sumber yang ada. Pembudayaan petunjuk prestasi dalam bidang tumpuan ini dapat dilihat dengan jelas melalui pengagihan petunjuk prestasi kepada setiap bahagian, unit dan juga fakulti. Jika dilihat pada petunjuk prestasi ini, ianya tidak tertakluk kepada bahagian tertentu sahaja di mana penglibatan daripada fakulti dan unit-unit yang tidak terlibat secara langsung di bawah Jaringan Industri dan Keusahawanan juga memainkan peranan penting dalam membudayakan bidang tumpuan ini. Hal ini dapat dilihat melalui penglibatan pensyarah dalam projek TOTG di mana pensyarah di bawah fakulti menggerakkan pasukannya untuk melibatkan industri (sekolah dan Kerajaan Negeri) dalam setiap program yang dijalankan (**Lampiran 4.5.2**). Program TOTG ini juga tidak hanya melibatkan pensyarah UiTMCJ, malah bantuan dan penglibatan pelajar UiTMCJ dilihat melalui inisiatif Duta Jauhar telah menampakkan lagi impak pembudayaan jaringan industri bersama sekolah dan juga Kerajaan Negeri Johor.

Melalui inisiatif Entrepreneurial Hub pula, pelbagai projek melibatkan staf dan juga pelajar telah dibuat bagi menaikkan minat keusahawanan dalam diri masing-masing. Hal ini dapat dilihat melalui program MASMED UiTMCJ Agroprenuer Upskilling Program yang mana kursus yang dianjurkan dengan kolaborasi FAMA Negeri Johor ini dapat membantu dalam meningkatkan ilmu pengetahuan staf dalam bidang pemasaran produk (**Lampiran 4.5.3**). Tidak hanya tertumpu kepada staf UiTMCJ sahaja, program-program keusahawanan melibatkan pelajar juga dititikberatkan (**Lampiran 4.5.4**). Bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan ini juga diperluaskan ke peringkat kebangsaan yang mana hasilnya, UiTMCJ dinobatkan sebagai tempat ketiga bagi best graduate enterprise (kategori C) pada Ministry of Higher Education (MOHE) Entrepreneurial Award 2021 yang dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (**Lampiran 4.5.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_A01_AB05_20221_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.5.1.pdf](#)
2. [K0059_A01_AB05_20222_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.5.2.pdf](#)
3. [K0059_A01_AB05_20223_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.5.3.pdf](#)
4. [K0059_A01_AB05_20224_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.5.4.pdf](#)
5. [K0059_A01_AB05_20225_UiTMCJ_Lampiran Pengukuran Analisa 4.5.5.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fokus UiTMCJ ke arah pencapaian matlamat universiti di dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan didokong oleh kekuatan staf akademik seramai 499 orang dan staf pentadbiran seramai 361 dari kampus Segamat dan Pasir Gudang. Dalam memastikan tiga inisiatif utama, iaitu *Industry Agropreneur*, *Entrepreneurial Hub* dan *Smart Industry Engagement* dapat dicapai, budaya kerja yang positif serta amalan kerja berkualiti, seperti pelaksanaan nilai *i-DART* iaitu ilmu, disiplin, amanah, rajin dan tanggungjawab dalam proses kerja, ditekankan secara holistik. Pendekatan PDCA dibudayakan dalam memastikan penglibatan tenaga kerja secara menyeluruh terhadap bidang tumpuan.

Penekanan terhadap Perancangan (*Plan*) dimanifestasi dengan penglibatan staf demi mencapai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Pelan Tindakan Keusahawanan Institut Pendidikan Tinggi 2021- 2025 dan Pelan Strategik UiTM 2025 . Pengurusan Kanan UiTMCJ bersama Ketua Bahagian, Ketua Unit dan Ketua Pusat Pengajian berganding bahu melalui perbincangan dalam mengenalpasti petunjuk prestasi bagi Pelan Strategik UiTMCJ. Jawatankuasa USTU UiTMCJ diberi amanah dan tugas menyelia dan memantau setiap petunjuk prestasi UiTMCJ. BPJIA pula diberi tanggungjawab selaku tunjang utama untuk menguruskan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan. Setiap unit di bawah BPJIA akan membentuk jawatankuasa kecil serta merancang perjalanan program berdasarkan tiga inisiatif utama tersebut.

Pada peringkat Pelaksanaan (*Do*) pula, UiTMCJ memastikan projek-projek tumpuan dilaksanakan dengan optimum, melantik staf berkelayakan sebagai ketua projek, pengendali bengkel, penceramah, perunding dan penasihat. Setelah program dilangsungkan, laporan, analisa serta pemantauan dilakukan untuk mengenalpasti keberkesanan program serta penambahbaikan.

Kepuasan hati staf dipantau (*Check*) agar tenaga kerja merasa gembira dalam menyempurnakan sesuatu tugas yang diamanahkan. Di samping itu, sokongan dari pihak pengurusan, rakan sekerja, persekitaran yang selesa, fleksibiliti bidang tugas, komunikasi dua hala, bimbingan serta perkongsian maklumat sesama rakan sekerja membantu menghasilkan nilai kerja berkualiti. Maklumbalas diamalkan melalui kaedah lisan, borang aduan *e-aduan* dan *e-maklumbalas*. Tindakan dengan kadar segera dianalisa serta direkodkan untuk penambahbaikan. Risiko perlu ditangani dengan menyediakan pelan tindakan serta prosedur operasi standard. Pemantauan persekitaran yang lestari menjamin kesejahteraan, kesihatan dan keselamatan warga kampus. Antara tindakan untuk memastikan persekitaran yang kondusif termasuk menyediakan prasarana yang lengkap dengan pemeriksaan secara berkala. Pemantauan perkhidmatan pelanggan diukur sebulan sekali manakala maklumbalas peserta terhadap program diukur selepas program berakhir. Maklumbalas difailkan untuk tindakan serta tujuan pengauditan. Dengan pengurusan maklumbalas yang sempurna, sesuatu tindakan dapat diambil dengan cekap dan pantas.

Dari sudut Penambahbaikan (*Act*), inovasi terhasil dari pemantauan, analisa serta penambahbaikan sistem kerja. '*MASMED Educators Expert*' serta penerbitan elektronik Majalah *i-Prestige* dan *Paradigma* adalah antara contoh inovasi UiTMCJ, yang mewujudkan amalan pembangunan sistem pengumpulan data. Warga kerja dihargai dengan meraikan pencapaian staf agar kecemerlangan dapat disemarakan. Ucapan tahniah, sijil serta surat penghargaan diberikan kepada staf yang berjaya memperolehi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), kenaikan pangkat, pemenang pertandingan inovasi dan penerima geran penyelidikan. Medium penghargaan dan pengiktirafan dimanifestasi melalui majlis rasmi, mesyuarat serta media elektronik. Hasilnya, MASMED UiTMCJ berjaya mencapai 100% melalui sasaran PI25: '*Percentage of Student Entrepreneur*', PI26: '*Number of Students' Business Received Capital Assistance*', PI27: '*Number of Entrepreneurship Educator Expert*' dan PI29: '*Number of Entrepreneurship Collaboration*', pada tahun 2021.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCJ telah menetapkan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan bagi tujuan pelaporan AKNC 2022 selaras dengan misi MASMED 'Transformasi Kehidupan Melalui Keusahawanan'. Bagi menjayakan tiga inisiatif utama iaitu *Industry Agropreneur*, *Entrepreneurial Hub* dan *Smart Industry Engagement*, UiTMCJ memberi tanggungjawab pelaksanaan petunjuk prestasi kepada seluruh warga UiTMCJ. Kaedah pengurusan oleh UiTMCJ adalah dengan merangka strategi penglibatan sumber manusia untuk memberi ruang dan peluang kepada staf menyerlahkan bakat keusahawanan, meningkatkan kemahiran melalui latihan dan penyediaan laluan kerjaya. Di UiTMCJ, bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan adalah di bawah tanggungjawab BPJIA yang diterajui oleh Timbalan Rektor BPJIA dan disokong oleh barisan koordinator berpengalaman di Kampus Segamat dan Pasir Gudang (**Lampiran 5.2.1**).

Dalam usaha ke arah '*Globally Renowned University*', UiTMCJ amat komited dalam menerapkan dan melatih setiap warganya untuk lebih proaktif, efisien dan mempunyai ciri keusahawanan yang berinovasi dan produktif. Kepakaran dan penglibatan staf terhadap bidang tumpuan dioptimumkan dalam setiap aktiviti perundingan, khidmat masyarakat, keusahawanan serta jalinan industri melalui penubuhan jawatankuasa program dan jawatankuasa kecil, kelab dan persatuan yang ditubuhkan bagi menggerakkan inisiatif strategik berdasarkan KPI yang telah ditetapkan. Justeru, UiTMCJ telah mengambil beberapa inisiatif dan kaedah pengurusan sumber manusia untuk memupuk budaya kreatif dan dinamik melalui penglibatan staf dalam pelbagai program dan sokongan daripada pengurusan tertinggi melalui 4 peringkat:

- a) Pembuat dasar & polisi: Staf terlibat sebagai kepimpinan tertinggi, Rektor, Timbalan Rektor, Penolong Rektor, Ketua Bahagian dan Ketua Pusat Pengajian.
- b) Perancang & pelaksana program: Staf terlibat sebagai ketua projek, koordinator, ahli jawatankuasa, penasihat, penyelar, panel, mentor, pegawai pengiring dan fasilitator.
- c) Meluluskan program: Staf terlibat sebagai kepimpinan tertinggi, Rektor, Timbalan Rektor, Penolong Rektor, Ketua Bahagian dan Ketua Pusat Pengajian.
- d) Pemantau program: Staf terlibat sebagai auditor dalaman, koordinator, ketua projek dan ahli jawatankuasa yang dilantik.

UiTMCJ mengambil pendekatan secara holistik dalam memastikan penglibatan warga kampus bagi mencapai Pelan Strategik UiTMCJ. Sasaran petunjuk prestasi UiTMCJ bagi tahun 2021 adalah sebanyak 64 petunjuk prestasi (**Lampiran 5.2.2**). Sasaran petunjuk prestasi ini menjadi indikator kepada pencapaian pelaksanaan dan sekaligus bertindak sebagai alat untuk mengukur produktiviti dan keberkesanan bidang tumpuan.

UiTMCJ telah membuat perancangan yang sistematik dengan mengatur pelbagai program perkongsian pengetahuan dan latihan staf dalam usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran staf (**Lampiran 5.2.3**). Di samping itu, UiTMCJ sentiasa memupuk budaya keusahawanan dan pelbagai inisiatif dan penghargaan diberi dalam membentuk warga yang berdaya saing dan lebih efektif. Penglibatan staf dalam bidang tumpuan juga turut diambil kira dalam penilaian prestasi tahunan. Bagi menghargai penglibatan staf dalam bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan, BPJIA UiTMCJ telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan anugerah kecemerlangan BPJIA 2020 dan 2021 yang telah berlangsung pada 19 Disember 2021 (**Lampiran 5.2.4**). Anugerah ini diberikan kepada individu, kumpulan dan projek yang memberi impak yang tinggi dibawah BPJIA UiTMCJ. Sebanyak 17 kategori telah diadakan dan sebanyak 3 kategori melibatkan bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan. Setiap kejayaan yang dicapai dikongsi kepada seluruh warga UiTMCJ melalui pelaporan i-Prestige 2021 (**Lampiran 5.2.5**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0059_S01_SB02_20221_UiTMCJ_Lampiran Sumber Manusia 5.2.1.pdf](#)
2. [K0059_S01_SB02_20222_UiTMCJ_Lampiran Sumber Manusia 5.2.2 .pdf](#)
3. [K0059_S01_SB02_20223_UiTMCJ_Lampiran Sumber Manusia 5.2.3.pdf](#)
4. [K0059_S01_SB02_20224_UiTMCJ_Lampiran Sumber Manusia 5.2.4.pdf](#)
5. [K0059_S01_SB02_20225_UiTMCJ_Lampiran Sumber Manusia 5.2.5.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTMCJ memastikan penggunaan kecekapan maksimum staf untuk mencapai bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan dengan melantik staf berpengalaman untuk mengetuai unit di bawah BPJIA berdasarkan kelayakan akademik, gred jawatan, keahlian badan profesional dan pengalaman industri dalam mencapai petunjuk prestasi UiTMCJ (**Lampiran 5.3.1**). Sumber manusia UiTMCJ diuruskan dengan memastikan keterlibatan semua staf di semua peringkat bukan sahaja dalaman tetapi juga di luar UiTM. Pembangunan pangkalan data '*MASMED Educators Expert*', dapat mengenalpasti staf yang mempunyai kepakaran keusahawanan, antaranya, memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah serta pensijilan profesional yang dikeluarkan oleh badan – badan seperti KPT, KPM, AKEPT, Cambridge serta Harvard di dalam bidang keusahawanan. Pengumpulan data MyRA pula menilai kapasiti UiTMCJ dari sudut keupayaan penyelidikan dengan sasaran '*benchmark*' berbanding universiti lain. Ianya menzahirkan pengoptimuman kepakaran seperti, staf dengan kelayakan professional, staf yang dihantar bertugas ke luar negara, bilangan projek penyelidikan berasaskan komuniti serta '*Technology Diffusion Projects*' (**Lampiran 5.3.2**).

Dalam menjayakan bidang tumpuan, kepakaran staf UiTMCJ juga dioptimumkan dengan lantikan sebagai penasihat program, panel pertandingan, penceramah, mentor pelajar, penyelaras dan pensyarah pengiring. Kepakaran staf turut diiktiraf oleh pihak luar dengan dijemput untuk mengendalikan bengkel, perundingan serta menjadi tetamu untuk diwawancara di stesen radio dan televisyen. (**Lampiran 5.3.3**). Hasilnya, budaya dan ilmu jaringan industri dan keusahawanan ini dapat disebarluaskan ke seluruh komuniti dan masyarakat di seluruh negara. Pengoptimuman kepakaran staf dapat ditingkatkan dengan memastikan semua staf mencapai sekurang - kurangnya 42 jam latihan setahun serta memperolehi kelayakan dan kompetensi yang diperlukan.

Dalam mengoptimumkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia, Pengurusan Kanan UiTMCJ turut menyediakan sokongan kewangan untuk staf yang terlibat di dalam penerbitan, persidangan serta pertandingan inovasi bagi mencapai bidang tumpuan. Antaranya dengan menyediakan Skim Pembiayaan Yuran Penerbitan Artikel (PYPA) dengan bayaran maksima sebanyak RM1,000 setiap artikel bagi tujuan menggalakkan sinergi penerbitan artikel dan sitasi di kalangan staf, token penyertaan menghadiri konferensi (dalam negara berjumlah RM300 (berindeks), luar negara sebanyak RM600 (berindeks), token penyertaan menghadiri bengkel (dalam negara berjumlah RM200, luar negara RM500) serta token penyertaan menghadiri IIID / DIID (anjaran UITMCJ berjumlah RM400, anjaran pihak luar sebanyak RM300) (**Lampiran 5.3.4**).

Pengalaman sumber manusia UiTMCJ pula dioptimumkan dengan mengenalpasti pengalaman industri, keahlian di dalam badan professional, '*networking and linkages*' semasa pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah, semasa pembentangan di persidangan serta pertandingan inovasi di pelbagai peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Semua maklumat serta pengalaman ini dikumpulkan di dalam satu pangkalan data supaya kegiatan Jaringan Industri dan Keusahawanan dapat dikembangkan. Hasil pengoptimuman kepakaran dan pengalaman sumber manusia bagi menjayakan bidang jaringan industri dan keusahawanan di manifestasi melalui pelaksanaan projek berimpak tinggi UiTMCJ seperti di **Lampiran 5.3.5**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_S01_SB03_20221_UiTMCJ_Lampiran Sumber Manusia 5.3.1.pdf](#)
2. [K0059_S01_SB03_20222_UiTMCJ_Lampiran Sumber Manusia 5.3.2.pdf](#)
3. [K0059_S01_SB03_20223_UiTMCJ_Lampiran Sumber Manusia 5.3.3.pdf](#)
4. [K0059_S01_SB03_20224_UiTMCJ_Lampiran Sumber Manusia 5.3.4.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Tahap kepuasan hati seseorang staf tertakluk kepada kegembiraan menyempurnakan tugas yang diamanahkan dengan sokongan dari pihak pengurusan, rakan sekerja serta persekitaran yang selesa dan berkualiti. Staf akan merasa berpuas hati bilamana mereka dapat mengembangkan potensi diri selari dengan visi dan misi UiTM. Hasil Taburan Indeks Kegembiraan (*'Happiness Index'*), tahap kepuasan hati staf UiTMCJ berada pada kategori Sederhana Gembira. UiTMCJ memperolehi Taburan Indeks Kegembiraan sebanyak 74% pada 2021 mengikut model Permai, dibandingkan dengan UiTM secara keseluruhan, yang memperoleh sebanyak 75% (**Lampiran 5.4.1.1**). Walaubagaimanapun, Pengurusan Kanan UiTMCJ sentiasa memberi sokongan dan kemudahan kepada semua staf bagi membantu melancarkan program di bawah Jaringan Industri dan Keusahawanan dari segi kewangan, infostruktur dan insfrastruktur (**Lampiran 5.4.1.2**).

UiTMCJ menyediakan platform aduan staf melalui beberapa kaedah iaitu aduan secara lisan, sesi dialog di dalam mesyuarat, borang aduan maklumbalas pelanggan dan medium elektronik seperti *e-aduan dan e-Maklum* (**Lampiran 5.4.1.3**). Aduan yang diutarakan akan direkodkan dan siasatan serta tindakan dengan kadar segera dilakukan sehingga aduan selesai. Analisa aduan akan dilaporkan untuk penambahbaikan dan dikaji semula secara menyeluruh di dalam mesyuarat ketua bahagian. Pengurusan Kanan UiTMCJ sentiasa menyokong projek yang telah dijalankan di bawah Jaringan Industri dan Keusahawanan. Medium mesyuarat secara maya atau bersemuka menjadi platform untuk menambah baik dan menyelesaikan masalah yang timbul dalam kalangan sumber manusia yang terlibat (**Lampiran 5.4.1.4**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0059_S01_SB04_SC01_20221_UiTMCJ_Lampiran Sumber Manusia 5.4.1.1.pdf](#)
2. [K0059_S01_SB04_SC01_20222_UiTMCJ_Lampiran Sumber Manusia 5.4.1.2.pdf](#)
3. [K0059_S01_SB04_SC01_20223_UiTMCJ_Lampiran Sumber Manusia 5.4.1.3.pdf](#)
4. [K0059_S01_SB04_SC01_20224_UiTMCJ_Lampiran Sumber Manusia 5.4.1.4.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pelaksanaan pengurusan risiko dalam pengurusan sumber manusia UiTMCJ adalah dengan menguruskan risiko secara proaktif dan bertanggungjawab, bagi memastikan objektif tercapai, melalui kaedah R – Responsive, I – Impactful, S – Sharing dan K – Knowledgeable. Sasaran '*Performance Indicator*' dapat dilihat melalui tiga inisiatif utama iaitu '*Industry Agropreneur*', '*Entrepreneurial Hub*' dan '*Smart Industry Engagement*'. Secara keseluruhan, UiTMCJ berjaya mencapai 92.19% sasaran KPI pada 2021 di antara 80-100%, di mana ianya berada pada landasan yang tepat untuk mencapai Pelan Strategik UiTM 2025 (**Lampiran 5.4.2.1**).

UiTMCJ telah mengenalpasti risiko yang boleh menjejaskan objektif projek-projek tumpuan. Projek-projek tersebut memberi impak besar kepada pencapaian objektif UiTMCJ (**Lampiran 5.4.2.2**). Pelan tindakan pencegahan dirancang bagi setiap tahap projek, merangkumi keperluan analisis risiko strategi, kewangan, operasi dan reputasi. Ini termasuk '*cost and benefit analysis*', potensi keuntungan/kerugian dan faktor-faktor kegagalan projek. Seterusnya, pelan tindakan perlu dilakukan bagi memastikan risiko yang telah dikenalpasti dapat dikurangkan (**Lampiran 5.4.2.3**).

Pemantauan dilakukan oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ untuk menilai keberkesanan langkah kawalan risiko serta impak keberhasilan projek. Pengumpulan maklumat dapat digunakan oleh pengurusan tertinggi untuk mengenalpasti punca-punca kelemahan sistem yang perlu diberi perhatian, seterusnya mengurus strategi dan operasi dengan lebih berkesan (**Lampiran 5.4.2.4**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_S01_SB04_SC02_20221_UiTMCJ_Lampiran Sumber Manusia 5.4.2.1.pdf](#)
2. [K0059_S01_SB04_SC02_20222_UiTMCJ_Lampiran Sumber Manusia 5.4.2.2.pdf](#)
3. [K0059_S01_SB04_SC02_20223_UiTMCJ_Lampiran Sumber Manusia 5.4.2.3.pdf](#)
4. [K0059_S01_SB04_SC02_20224_UiTMCJ_Lampiran Sumber Manusia 5.4.2.4.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCJ sentiasa memastikan risiko yang telah dikenal pasti dapat dikawal dengan berkesan melalui perbincangan dan mesyuarat yang berkaitan. Hasil analisa risiko yang dikenalpasti daripada mesyuarat yang telah dijalankan bagi projek-projek dikongsi kepada seluruh warga UiTMCJ. Hal ini dapat dilihat melalui pembentangan pencapaian petunjuk prestasi oleh Timbalan Rektor BPJIA dan Penyelaras USTU UiTMCJ dalam mesyuarat JKEN, mesyuarat Ketua bahagian mahupun melalui media sosial (**Lampiran 5.4.3.1**).

Dalam memastikan persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif, UiTMCJ melalui tiga inisiatif utama '*Industry Agropreneur*', '*Entrepreneurial Hub*' dan '*Smart Industry Engagement*' membudayakan amalan hijau merangkumi program – program kolaborasi bersama industri berkaitan keusahawanan dalam bidang pertanian (**Lampiran 5.4.3.2**). Di samping aspek prasarana secara fizikal, pembudayaan sistem kerja yang positif dan kondusif berjaya menyemarakkan hubungan sesama warga kampus melalui program kemasyarakatan seperti program Infaq Kasih Alumni UiTM Cawangan Johor, program Raya Ceria bersama UiTM Cawangan Johor dan Khalifahku Educare centre, Majlis penyampaian sumbangan JomInfaq Ramadhan kepada yang memerlukan dan Misi Bantuan oleh Skwad bersih untuk misi bantuan banjir (**Lampiran 5.4.3.3**). Semua program yang dijalankan ini telah dikongsi kepada seluruh warga UiTM di seluruh negara melalui medium media sosial (**Lampiran 5.4.3.4**)

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_S01_SB04_SC03_20221_UiTMCJ_Lampiran Sumber Manusia 5.4.3.1.pdf](#)
2. [K0059_S01_SB04_SC03_20222_UiTMCJ_Lampiran Sumber Manusia 5.4.3.2.pdf](#)
3. [K0059_S01_SB04_SC03_20223_UiTMCJ_Lampiran Sumber Manusia 5.4.3.3.pdf](#)
4. [K0059_S01_SB04_SC03_20224_UiTMCJ_Lampiran Sumber Manusia 5.4.3.4.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Antara inovasi yang terhasil dari pelaksanaan pengurusan sumber manusia adalah penubuhan pangkalan data '*MASMED Educators Expert*' yang menghimpunkan data mengenai staf UiTMCJ yang mempunyai kepakaran keusahawanan (**Lampiran 5.5.1**). Pangkalan data ini menjadi sumber rujukan kepada warga UiTMCJ dan pihak luar bagi mengakses kepakaran keusahawanan yang ada di UiTMCJ. Staf juga dilantik sebagai mentor kepada perniagaan yang dikendalikan oleh pelajar serta komuniti. Di samping itu, proses maklumbalas projek secara maya juga dipraktikkan melalui laman sesawang e-maklum bagi memudahkan pihak - pihak terlibat untuk mendapatkan maklumbalas serta analisa (**Lampiran 5.5.2**).

Dengan mengambil kira tindakan penambahbaikan, UiTMCJ menzahirkan pembudayaan keusahawanan dan jaringan industri melalui dua penerbitan Laporan Tahunan BPJIA iaitu Majalah i-Prestige dan Majalah Paradigma MASMED. Penerbitan yang dihasilkan mulai tahun 2019 ini mengupas pencapaian UiTMCJ di dalam menganjurkan program bertemakan Jaringan Industri dan Keusahawanan di peringkat dalaman serta luaran kampus (**Lampiran 5.5.3**). Selain itu, majalah Paradigma MASMED memberi peluang kepada penulis-penulis daripada luar UiTMCJ memberikan idea dan dorongan bagi pembudayaan keusahawanan. Ini menunjukkan platform ini sebagai platform yang mengintegrasikan budaya keusahawanan dari seluruh Malaysia. Platform ini menjadi rujukan berpusat untuk pelaporan kegiatan bidang tumpuan, memudahkan proses kerja serta menambah baik sistem pengumpulan data. Platform ini juga mewujudkan amalan pembangunan pangkalan data yang sistematik yang mana mencerminkan tahap pembudayaan yang terhasil daripada tindakan penambahbaikan bagi bidang jaringan industri dan keusahawanan.

Dalam menyemarakkan kecemerlangan pencapaian visi dan misi UiTMCJ, amalan meraikan pencapaian prestasi staf dipraktikkan dengan cara memberikan ganjaran kepada staf. Medium penghargaan dimanifestasi melalui penyampaian surat penghargaan, sijil serta hebahan secara terus di majlis rasmi, pemakluman di mesyuarat serta perkongsian di media elektronik UiTMCJ (**Lampiran 5.5.4**) seperti *Facebook* dan *Youtube* Rasmi UiTMCJ. Antara penghargaan yang diberikan termasuk ucapan tahniah dan terima kasih ke atas kejayaan memenangi pertandingan, pelantikan jawatan baharu, khidmat bakti dan jasa, penerima geran penyelidikan dan penerbitan buku teks. Pembudayaan penghargaan turut dijalankan melalui program sambutan perayaan, hari kelahiran, persaraan, perpindahan serta perkahwinan membuktikan keprihatinan UiTMCJ terhadap warganya (**Lampiran 5.5.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_S01_SB05_20221_UiTMCJ_Lampiran Sumber Manusia 5.5.1.pdf](#)
2. [K0059_S01_SB05_20222_UiTMCJ_Lampiran Sumber Manusia 5.5.2.pdf](#)
3. [K0059_S01_SB05_20223_UiTMCJ_Lampiran Sumber Manusia 5.5.3.pdf](#)
4. [K0059_S01_SB05_20224_UiTMCJ_Lampiran Sumber Manusia 5.5.4 .pdf](#)
5. [K0059_S01_SB05_20225_UiTMCJ_Lampiran Sumber Manusia 5.5.5.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Setiap inisiatif di bawah bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan iaitu *Industry Agropreneur*, *Entrepreneurial Hub* dan *Smart Industry Engagement* telah dilaksanakan berpaksikan proses-proses utama yang telah ditetapkan. Proses-proses utama ini dapat digambarkan dengan lebih jelas melalui dua model proses iaitu **The Logic Model Approach** (*Inputs, Activities, Outputs, Outcomes, Impact (IAOOI)*) dan Model **Plan-Do-Check-Action (PDCA)**.

Model IAOOI yang diaplikasi oleh UiTMCJ melibatkan dua peringkat utama iaitu Proses yang Dirancang (merangkumi *Inputs* dan *Activities*) dan Hasil yang Disasarkan (merangkumi *Outputs, Outcomes* dan *Impact*). UiTMCJ sentiasa memastikan sesuatu projek yang dijalankan menepati model proses ini bermula dengan *Inputs* iaitu mengenalpasti objektif projek dan sumber-sumber yang ada bagi menjayakan projek. Sumber-sumber ini termasuklah kewangan, peluang pengaplikasian dan tenaga kerja. Setelah itu, *Activities* dilaksanakan di mana penggunaan sumber dirancang bagi mencapai misi dan objektif projek. Hasilnya, *Outputs* atau perolehan ini dapat dilihat termasuklah penjana pendapatan, perolehan geran atau tajaan, pembukaan tapak projek dan sebagainya. Daripada *Outputs*, akan terhasil *Outcomes* iaitu manfaat yang diperolehi oleh pihak-pihak terlibat dan kumpulan sasaran. UiTMCJ sentiasa memastikan projek yang dilakukan tidak hanya bermanfaat kepada penganjur tetapi juga memberi kesan positif seperti peningkatan kemahiran kumpulan sasaran, penjimatan bajet oleh kumpulan pengurusan dan peningkatan kualiti hidup masyarakat setempat. Akhirnya, *Outcomes* ini membawa kepada *Impact* iaitu kesan-kesan positif projek yang dijalankan dalam jangka masa panjang. Ini termasuklah kemampuan kemahiran atau impak kewangan yang terhasil serta jaringan industri yang terbina.

Model PDCA pula melibatkan empat peringkat iaitu *Plan, Do, Check* dan *Act*. Pada peringkat *Plan*, UiTMCJ sentiasa memastikan objektif projek ditetapkan dan permasalahan yang membawa kepada penganjuran projek dikenalpasti. Pada peringkat ini juga, Pengurusan Kanan UiTMCJ dan unit-unit terlibat mengenalpasti langkah-langkah yang perlu diambil untuk menyelesaikan permasalahan projek dirancang. Kemudian, proses ini diteruskan dengan *Do* di mana unit-unit yang terlibat melaksanakan projek untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Pada peringkat *Check* pula, keberkesanan projek diukur dan hasil projek dibandingkan untuk mengetahui sejauh mana objektif dicapai melalui perbincangan oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ dan unit-unit terlibat. Selain itu, proses seperti ujilari juga dijalankan dan dapataannya dianalisa sekali lagi. *Check* boleh berlaku setelah pelaksanaan projek berakhir dan semasa pelaksanaan sedang berlangsung. Akhirnya, pada peringkat *Act*, penambahbaikan dilakukan berdasarkan pengukuran keberkesanan dan analisa yang telah dibuat. Jika projek masih berjalan, *Act* akan meningkatkan keberkesanan projek. Jika pelaksanaan projek telah selesai, penambahbaikan diambil maklum untuk meningkatkan keberkesanan projek susulan. Kitaran ini akan berterusan di mana berdasarkan pemerhatian pada peringkat *Check* permasalahan baru akan ditemui dan penambahbaikan pada peringkat *Act* pula akan memberi input kepada penghasilan projek baru. Projek baru ini akan memulakan kitaran *PDCA* yang baru.

Secara keseluruhan, operasi bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan ini dirancang, dilaksana, dipantau dan ditambahbaik di bawah seliaan BPJIA dan USTU UiTMCJ.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Proses pelaksanaan sesuatu projek digambarkan dalam **Lampiran 6.2.1**. Bermula dengan penemuan masalah atau sesuatu tajuk, kertas kerja dibuat dengan perancangan dan pendekatan yang sistematik. Setiap kertas kerja mengandungi pengenalan projek, objektif, cadangan aktiviti dan anggaran kewangan (**Lampiran 6.2.2**). Seterusnya, lawatan industri akan dijalankan untuk melihat isu sebenar. Jaringan industri atau jalinan dua hala dilakukan untuk memastikan hasil yang akan diperolehi dapat memberi manfaat kepada kedua-dua pihak (**Lampiran 6.2.3**). Dalam masa yang sama, pemantauan akan dilakukan. Hasil pemantauan tersebut kemudiannya akan digunakan untuk semakan pengurusan dalam penghasilan inovasi seterusnya yang secara tidak langsung akan menambahbaik prestasi. Setelah mengenalpasti risiko, tindakan pencegahan akan dilaksanakan. Sebarang bentuk penambahbaikan prestasi dilaksanakan mengikut keperluan dan diakhiri dengan penghasilan inovasi. Jika permasalahan baru dikenalpasti melalui penulisan laporan akhir, proses kerja untuk projek baru akan dimulakan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0059_O01_OB02_20221_UiTMCJ_Lampiran Proses 6.2.1.pdf](#)
2. [K0059_O01_OB02_20222_UiTMCJ_Lampiran Proses 6.2.2.pdf](#)
3. [K0059_O01_OB02_20223_UiTMCJ_Lampiran Proses 6.2.3.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Secara umumnya, setiap penganjur yang ingin menjalankan projek universiti mestilah melalui proses-proses utama yang telah ditetapkan. Projek-projek di bawah tiga inisiatif utama ini didapati mematuhi kesemua proses-proses utama ini. Gerak kerja sesetengah projek dapat dijelaskan mengikut model *The Logic Model Approach (Inputs, Activities, Outputs, Outcomes, Impact (IAOOI))* manakala projek-projek lain pula berpandukan model *Plan-Do-Check-Action (PDCA)*. Projek-projek UiTMCJ ini dijalankan pelaksanaannya bukan hanya di peringkat dalaman UiTMCJ, tetapi dilaksanakan sehingga peringkat luaran dan juga bersama industri.

Lampiran 6.3.1 dan **Lampiran 6.3.2** menunjukkan projek-projek yang dijalankan berdasarkan model *The Logic Model Approach (Inputs, Activities, Outputs, Outcomes, Impact (IAOOI))* manakala **Lampiran 6.3.3** pula menunjukkan projek-projek yang dijalankan berdasarkan model *Plan-Do-Check-Action (PDCA)*.

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_O01_OB03_20221_UiTMCJ_Lampiran Proses 6.3.1.pdf](#)
2. [K0059_O01_OB03_20222_UiTMCJ_Lampiran Proses 6.3.2.pdf](#)
3. [K0059_O01_OB03_20223_UiTMCJ_Lampiran Proses 6.3.3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan bagi tiga inisiatif utama dijalankan secara penghantaran laporan kepada UiTMCJ bagi tujuan penyimpanan dan juga penambahbaikan (**Lampiran 6.4.1.1**). **Lampiran 6.4.1.2** adalah gambaran carta alir bagi penghantaran laporan ke UiTMCJ. Secara ringkas, laporan yang dihantar kepada UiTMCJ mengandungi kertas kerja bagi setiap aktiviti yang telah disemak dan diluluskan oleh UiTMCJ dalam memastikan segala butiran dalam permohonan penganjuran projek dan program adalah lengkap (**Lampiran 6.4.1.3**). Hasil terhadap pelaksanaan objektif strategik dan inisiatif utama bagi setiap projek diterangkan dalam **Lampiran 6.3.1**, **Lampiran 6.3.2** dan **Lampiran 6.3.3**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0059_O01_OB04_OC01_20221_UiTMCJ_Lampiran Proses 6.4.1.1.pdf](#)
2. [K0059_O01_OB04_OC01_20222_UiTMCJ_Lampiran Proses 6.4.1.2.pdf](#)
3. [K0059_O01_OB04_OC01_20223_UiTMCJ_Lampiran Proses 6.4.1.3.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko dan implikasinya terhadap kemampuan melaksanakan fungsi dan objektif organisasi telah menjadi isu utama yang diberi penekanan oleh UiTMCJ (**Lampiran 6.4.2.1**). Pengurusan risiko tidak terhad kepada penyelarasan aktiviti bagi mengurangkan berlaku kerugian semata-mata, malah melibatkan aktiviti penyelarasan bersepadu bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang boleh mengganggu operasi UiTMCJ termasuk aktiviti pembangunan kapasiti untuk meningkatkan profesional warga UiTMCJ khususnya.

Dalam konteks UiTMCJ, risiko ialah kesan ketidaktentuan kepada pencapaian matlamat Pelan Strategik UiTM, kesan kepada kewangan, kesan terhadap operasi dan kesan kepada pentadbiran universiti. Kemahiran menguruskan risiko ini akan dapat menyelaraskan pelan tindakan sebagai satu kawalan dalaman melalui tindakan pencegahan dan pemulihan bagi mengatasi masalah dan kelemahan yang dihadapi (**Lampiran 6.4.2.2**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_O01_OB04_OC02_20221_UiTMCJ_Lampiran Proses 6.4.2.1.pdf](#)
2. [K0059_O01_OB04_OC02_20222_UiTMCJ_Lampiran Proses 6.4.2.2.pdf](#)

6.4.3 MENGENALPASTI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kajian semula ke atas hasil proses merupakan kunci utama dalam menentukan tindakan penambahbaikan yang terbaik dan bersesuaian. Merujuk kepada model PDCA, masalah-masalah yang menjejaskan keberkesanan projek dikenalpasti di peringkat *Check*. Penambahbaikan di peringkat *Act* pula dijalankan serta-merta bagi masalah yang kurang kritikal. Bagi masalah yang lebih kritikal pula, terdapat penglibatan pihak atasan. Proses ini melibatkan mesyuarat *post-mortem* yang dijalankan bagi mengenalpasti amalan terbaik untuk panduan dan rujukan projek-projek lain. Selain itu, mesyuarat *post-mortem* juga bertujuan mengenalpasti punca masalah yang timbul dalam penganjuran sesuatu program supaya masalah ini dapat dielakkan, diselesaikan ataupun diminimakan untuk projek susulan pada masa akan datang (**Lampiran 6.4.3.1**). Seterusnya, pencapaian projek ini beserta dengan permasalahan yang timbul dan tindakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan dibincangkan di dalam mesyuarat berkaitan sebagai perkongsian dengan warga UiTMCJ (**Lampiran 6.4.3.2**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_O01_OB04_OC03_20221_UiTMCJ_Lampiran Proses 6.4.3.1.pdf](#)
2. [K0059_O01_OB04_OC03_20222_UiTMCJ_Lampiran Proses 6.4.3.2 .pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kejayaan sesuatu projek tidak hanya diukur dengan hasil akhir bersifat *one-off* sahaja memandangkan kebanyakan projek berpotensi menyumbangkan faedah secara berterusan. Oleh yang demikian, penambahbaikan berterusan haruslah diambil kira. Kebiasaannya, penambahbaikan berterusan lebih mudah diaplikasikan melalui projek bersiri yang mempunyai sela masa tidak terlalu singkat dan tidak terlalu lama.

Sebagai contoh, inovasi penerbitan majalah Paradigma Johor yang telah mencapai siri ke-6 memuatkan laporan bergambar yang dapat memberikan rujukan dan panduan kepada pembaca dari dalam dan luar UiTM bagi menambahbaik projek-projek, selain menyuntik idea dalam penghasilan inovasi baharu. Hal ini bermaksud, tidak hanya penerbitan majalah Paradigma Johor yang ditambahbaik dari satu siri ke siri berikutnya, ia juga memberi inspirasi kepada projek-projek lain untuk melalui proses penambahbaikan dan inovasi seumpamanya. Selain itu, majalah ini juga boleh diakses secara meluas contohnya agensi luar dan orang awam melalui laman sesawang UiTMCJ. Kenyataan diatas dapat dibuktikan dengan Lampiran 6.5.1.

SENARAI BUKTI :

1. [K0059_O01_OB05_20221_UiTMCJ_Lampiran Proses 6.5.1.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Hasil Dari Tumpuan Pelanggan UiTMCJ

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil yang diperolehi pelanggan dan maklumbalas yang diterima adalah merupakan faktor utama kepada keberkesanan sesuatu projek atau aktiviti itu dijalankan. Selain itu, perbandingan juga perlu dilakukan bagi mengetahui tahap pencapaian sesuatu projek yang dijalankan. Perbandingan tersebut mengukur tahap pencapaian sebenar projek melalui petunjuk prestasi yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, petunjuk prestasi tahun 2021 yang berpandukan Pelan Strategik UiTM 2025 telah dibincangkan bagi membandingkan pencapaian sebenar bagi keseluruhan pencapaian UiTMCJ demi merealisasikan agenda utama universiti. Merujuk kepada petunjuk prestasi tersebut, hampir kesemuanya mencapai sasaran atau lebih dengan pencapaian seratus peratus.

Dalam tempoh ini, UiTMCJ memberi penekanan terhadap tiga inisiatif utama iaitu *Industry Agropreneur*, *Entrepreneurial Hub*, dan *Smart Industry Engagement*. Kebanyakan projek yang dijalankan melalui ketiga-tiga inisiatif ini mengambil kira maklumbalas daripada peserta. Ini adalah untuk mengetahui tahap kepuasan hati mereka dan sebarang maklumbalas yang boleh diberikan kepada pihak penganjur. Maklumbalas tersebut amat penting kepada UiTMCJ untuk memastikan setiap projek dan program yang dijalankan di bawah teras Jaringan Industri dan Keusahawanan ini bukan sahaja berjaya mencapai objektifnya, bahkan mampu memberikan impak dan manfaat kepada semua pelanggan yang terlibat. Selain itu, penekanan terhadap hasil dari tumpuan kepada pelanggan juga turut menyumbang kepada proses penambahbaikan di masa akan datang.

Melalui projek-projek yang telah dijalankan di bawah tiga inisiatif utama ini secara dasarnya telah memberikan banyak kebaikan dan manfaat terhadap kesemua pelanggan yang terlibat bukan sahaja kepada pelajar dan staf UiTMCJ, juga kepada masyarakat setempat dan pihak industri di dalam dan luar negara. Dalam inisiatif *Industry Agropreneur*, projek tanaman cili dan nenas telah menjadi faktor pendorong kepada pelajar dan staf untuk menceburkan diri di dalam bidang keusahawanan berasaskan pertanian secara lebih progresif. Masyarakat setempat juga mendapat tempiasnya di mana ianya membuka peluang perniagaan sekaligus membantu menambahkan pendapatan. Pihak industri dan agensi kerajaan juga dapat menyalurkan dan berkongsi kepakaran mereka dalam memdidik masyarakat berkaitan perniagaan, pertanian dan pengurusan ladang melalui medium dan platform yang telah disediakan oleh UiTMCJ ini.

Selain itu, dengan penganjuran kursus dan seminar berkaitan keusahawanan (*Entrepreneurial Hub*) pula dapat melatih peserta di kalangan pelajar dan staf untuk bertindak secara kreatif dan inovatif dalam mencari peluang perniagaan sesuai dengan tren semasa. Tambahan lagi dengan adanya projek *Teaching on The Go*, pemindahan dan perkongsian ilmu telah berjaya dilaksanakan dengan lebih berkesan dan dapat dimanfaatkan oleh ramai orang termasuk pensyarah, guru dan mahasiswa bukan sahaja di dalam negara, malahan juga di luar negara.

Penganjuran DIIID 2021 (*Smart Industry Engagement*) misalnya, lebih memberi tumpuan

terhadap aspek mempromosikan para akademika dengan menyediakan platform bagi pertandingan inovasi. Program ini juga telah dijalankan dengan menggunakan platform digital. Perkara ini menyumbang kepada lebih banyak penyertaan di samping membuka ruang kepada kerjasama dari pelbagai pihak termasuk institusi pengajian tinggi dari dalam dan juga luar negara.

Setiap projek yang dijalankan berdasarkan tiga inisiatif utama ini amat menitikberatkan impak positif yang diterima oleh peserta yang terlibat sama ada dalam kalangan staf dan pelajar UiTM CJ juga masyarakat setempat. Perbincangan terperinci dilakukan bagi kesemua projek dari sudut hasil penglibatan pelajar dan staf UiTM CJ, hasil penglibatan industri dan badan professional serta hasil penglibatan komuniti dan masyarakat setempat.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_K0059_HB02_20221_UiTM CJ_7.1.2 HASIL TAHAP PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_K0059_HB03_20222_UiTM CJ_7.1.3 HASIL TREN PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_K0059_HB04_20223_UiTM CJ_7.1.4 HASIL PERBANDINGAN PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_K0059_HB05_20224_UiTM CJ_7.1.5 HASIL KEPENTINGAN PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil Dari Tumpuan Sumber Manusia UiTMCJ

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCJ sentiasa komited dalam memastikan segala perjalanan projek yang dirancang berjalan dengan lancar melalui komitmen yang tinggi daripada warga kampus. Sokongan dan kemudahan yang disediakan oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ telah banyak membantu staf-staf yang terlibat dalam menjayakan tiga tema utama bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan iaitu *Industry Agropreneur*, *Entrepreneurial Hub* dan *Smart Industry Engagement*.

Keusahawanan merupakan satu program yang memberi fokus untuk melahirkan usahawan dan meningkatkan kualiti usahawan yang sedia ada dengan melengkapkan diri melalui ilmu pengetahuan, kemahiran pengurusan perniagaan dan ciri keusahawanan supaya seseorang itu mampu menjadi usahawan yang berdaya saing dan maju. Program ini juga bertujuan untuk menanam semangat berdikari serta memberi kesedaran kepada peserta mengenai peluang perniagaan dan memberi pengetahuan asas pengurusan perniagaan kepada staf UiTMCJ. Sehubungan itu, atas usaha dan komitmen yang jitu daripada tenaga kerja sumber manusia di semua peringkat, UiTMCJ telah berjaya melaksanakan beberapa program berkaitan keusahawanan melibatkan program dalaman dan luaran. Inisiatif ini merupakan salah satu cara yang membolehkan staf UiTMCJ mendapatkan pengetahuan ilmu keusahawanan dan dilatih menjadi *entrepreneur educational expert* di samping menjalankan tanggungjawab yang diberikan. Program yang dianjurkan mendapat pelbagai sokongan dari semua pihak termasuk staf sokongan, staf akademik dan Pengurusan Kanan UiTMCJ.

Penyelidikan merupakan elemen penting bagi sesebuah institusi pengajian tinggi untuk menjadikannya sentiasa relevan dengan perkembangan arus semasa. UiTMCJ tidak terkecuali dalam memastikan penyelidikan yang dihasilkan memberi impak kepada masyarakat menerusi kerjasama dengan organisasi dan industri sama ada setempat ataupun antarabangsa. Peruntukan geran dalaman (Geran Bestari) dan *Special Interest Group (SIG)* menjadi pemangkin supaya penyelidikan bersama industri dapat dijalankan dengan berkesan. Disamping itu, aktiviti perundingan dirancakkan supaya perkongsian ilmu dan kepakaran dengan masyarakat tidak diketepikan.

UiTMCJ sentiasa komited untuk menjadi sebuah universiti yang unggul dan aktif dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan. Justeru, adalah penting untuk mengenalpasti keberkesanan penglibatan sumber manusia dalam usaha menjalinkan kerjasama industri dengan badan luar. Indikator utama yang digunakan oleh UiTMCJ adalah berteraskan kepada pencapaian petunjuk prestasi yang dizahirkan melalui komitmen yang tinggi oleh semua staf di semua peringkat.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_K0059_HB02_20221_UiTMCJ_7.2.2 HASIL TAHAP PELANGGAN.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_K0059_HB03_20222_UiTMCJ_7.2.3 HASIL TREN PELANGGAN.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_K0059_HB04_20223_UiTMCJ_7.2.4 HASIL PERBANDINGAN PELANGGAN.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_K0059_HB05_20224_UiTMCJ_7.2.5 HASIL KEPENTINGAN PELANGGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Hasil Dari Pelaksanaan Strategi UiTMCJ

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan strategik merupakan antara elemen terpenting dalam sesebuah organisasi. Bagi menjayakan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan, objektif strategik yang telah ditetapkan oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ adalah Pemerkasaan Jaringan Industri dan Keusahawanan Melalui Pemindahan Ilmu dengan Kerjasama Akademia, Industri dan Komuniti. Objektif strategik ini memfokuskan kepada tiga inisiatif utama iaitu *Industry Agropreneur*, *Entrepreneurial Hub* dan *Smart Industry Engagement*. Kolaborasi dan jalinan kerjasama bersama rakan strategik dari pihak industri, agensi kerajaan dan universiti dalam dan luar negara menjadi agenda penting bagi UiTMCJ dalam penerokaan ilmu dan bidang baharu secara berterusan. Hasil kerjasama ini akan memberi manfaat bukan sahaja kepada warga universiti dan rakan kerjasama strategik malah turut memberi nilai tambah kepada komuniti dan masyarakat.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_K0059_HB02_20221_UiTMCJ_7.3.2 HASIL TAHAP SUMBER MANUSIA.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_K0059_HB03_20222_UiTMCJ_7.3.3 HASIL TREN SUMBER MANUSIA.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_K0059_HB04_20223_UiTMCJ_7.3.4 HASIL PERBANDINGAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_K0059_HB05_20224_UiTMCJ_7.3.5 HASIL KEPENTINGAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)